



RM378 juta dana
majukan Islam

MUKA 2

RM75 juta bantu usahawan
kecil terjejas wabak

MUKA 3

Intipati menarik program
Belanjawan Selangor 2021

MUKA 8&9

Anak Melayu reka 'game'
populer di Amerika

MUKA 17

RM200 juta tangani isu pencemaran air

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memperuntuk RM200 juta untuk melaksanakan empat strategi menangani pencemaran sumber air bagi mengelakkan bekalan terjejas.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata langkah itu diambil selepas Sungai Selangor dan Sungai Langat kerap berlaku pencemaran sehingga memaksa loji rawatan air (LRA) dihenti tugas.

"Kita yakin ini dapat mengurangkan sehingga 90 peratus risiko henti tugas LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3, LRA Rantau Panjang dan LRA Semenyih 1 dan 2 yang menyebabkan gangguan bekalan air kepada 1.6 juta akaun pengguna akibat pencemaran," katanya ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2021 pada 30 Oktober.

Pertama, pindaan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999 untuk meningkatkan jumlah denda atas kesalahan mencemar sumber air.

Kedua, projek perintis rawatan biologi bagi memulihara kualiti air Sungai Gong, Rawang melalui gabungan pendekatan biologi dan kaedah fizikal.

Ketiga, pengawasan 24 jam skuad Pantas LUAS di kawasan sensitif sumber air di Lembangan Sungai Selangor dan Sungai Langat.



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan kepada Speaker Dewan Negeri Selangor, Ng Suee Lim (tiga, kanan) ketika melawat pameran 10 inisiatif agenda pendigitalan di ruang legar Dewan Negeri Selangor, Shah Alam pada 4 November 2020. Foto Radin Wazir

BERSAMBUNG MUKA 4

Agenda pendigitalan luaskan lagi peluang kerja

SHAH ALAM - Agenda pendigitalan dalam Belanjawan Selangor 2021 akan membuka ruang pekerjaan lebih luas kepada orang ramai khususnya berdepan kelembapan ekonomi akibat wabak Covid-19.

Dato' Menteri Besar yakin dasar itu mampu menggerakkan ekonomi menerusi transformasi sistem perkhidmatan, masyarakat, perniagaan dan keusahawanan, penciptaan nilai serta bidang seni kreatif.

"Kita tidak boleh tertinggal dengan perubahan semasa terutama pascapandemik yang menuntut agar kerajaan mempercepatkan proses transformasi digitalisasi un-

tuk membina ekonomi yang berdaya tahan," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Dasar itu, yang memakan satu pertiga daripada perbelanjaan pembangunan tahun depan, memecahkan stigma bahawa pendigitalan menutup peluang pekerjaan sebaliknya mewujudkan ruang melalui program padanan bakat.

Beliau menjelaskan agenda berkenaan juga bukan bersifat khusus kepada golongan menengah dan atasan tapi merangkumi keseluruhan lapisan penduduk.

"(Dasar) ini adalah kunci terutama mendepani cabaran pengangguran akibat Covid-19. Ini bermakna kita akan

berjaya mengelakkan dari terjerumus kepada 'perangkap teknologi,'" katanya ketika membentangkan belanjawan berkenaan pada 30 Oktober.

Justeru, Amirudin berkata sebanyak RM369 juta dari dana Kerajaan Negeri, Pembedaan Menteri Besar (MBI), anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan disediakan untuk matlamat itu.

"Kita harus menunjukkan contoh dan keberanian untuk 'menggangu sistem' agar rakyat dan negeri Selangor sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran mendatang," katanya.

Untuk menjayakan agenda pendigitalan, Kerajaan Negeri mengambil beberapa inisiatif dan program antaranya:

- Dana Inovasi Selangor RM100 juta
- Selangor Advance RM130 juta
- Selangor Kerjaya RM58 juta
- Wi-Fi dan Data Internet Selangor RM17.5 juta
- e-Dapur Selangor RM10 juta
- Selangor Freelancer RM10 juta
- Inisiatif Automatif TVET RM5 juta
- Rakan Digital Selangor RM3 juta
- e-Sukan RM3 juta



SELangkah jejak kontak tibi, denggi

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bercadang memperluas penggunaan aplikasi SELangkah (Langkah Masuk Dengan Selamat) bagi mengesan lokasi wabak dan kontak pesakit tibi serta denggi.

Dato' Menteri Besar berkata sistem yang dibangunkan untuk menjejak kontak Covid-19 wajar ditambah baik bagi membantu Jabatan Kesihatan Negeri mencegah penyakit lain.

"Kes denggi dan tibi agak membimbangkan di Selangor, jadi kita boleh mempertimbangkan guna SELangkah bagi mengatasi penularan penyakit lain," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 3 November.

"Aplikasi ini terbukti banyak membantu kita mengesan kontak Covid-19, mungkin selepas ini kita boleh luaskan lagi penggunaannya."

Aplikasi SELangkah diperkenalkan pada 4 Mei dilengkapi ciri peta dan semakan premis yang membolehkan pengguna mengetahui tarikh sanitasi bagi memastikan kunjungan mereka selamat.

MB tidak langgar kuarantin

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar tidak pernah melanggar arahan kuarantin di rumah, malah beliau ada surat pelepasan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia berikutan tiga ujian Covid-19 negatif.

Justeru, setiausaha sulitnya meminta semua pihak tidak mempolemikkan lawatan Dato' Seri Amirudin Shari ke muka sawk Loji Rawatan Air Sungai Semenyih bagi menangani isu pencemaran.

Saifudin Shafi Muhammad berkata perbuatan sedemikian hanya menambah beban polis, apatah lagi sebahagian mereka terpaksa menjalani kuarantin dalam gelombang ketiga pandemik.

"Pejabat Dato' Menteri Besar memberikan jaminan bahawa Amirudin akan memberikan kerjasama penuh kepada polis dalam memastikan keluhuran undang-undang terus dihormati dan terpelihara," katanya pada 2 November.

Amirudin sebelum ini dilaporkan disiasat mengikut Seksyen 15 dan 22(b) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) selepas didakwa melanggar perintah tersebut.

Sembilan masjid dijangka siap tahun depan

RM378 juta dana majukan Islam

OLEH NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Seramai 4,200 guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) di Selangor bakal menerima caruman majikan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) mulai tahun hadapan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2021 pada 30 Oktober berkata sebanyak RM1.1 juta disediakan untuk urusan berkenaan.

"Kerajaan Selangor amat cakna dan prihatin dengan perkhidmatan guru Kafa



AGAMA ISLAM

yang menyumbang bakti memberi didikan agama kepada anak Selangor," katanya.

Beliau berkata sejumlah RM377.77

juta disediakan termasuk mengurus dan membangunkan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) bagi memantapkan institusi Islam di negeri ini.

"Terdapat sembilan masjid dijangka disiapkan pada 2021. Bagi pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA) pula, dua SRA dijangka akan disiapkan tahun hadapan selain dua buah lagi Maahad Tahfiz Selangor (MITS).

"Turut dijangka siap pembinaannya dua buah lagi MITS, sebuah Kompleks Islam Daerah Kuala Langat dan Akademi Syahadah Tahfiz Al Faizin, Kuala Selangor," katanya.

Caruman Perkeso naikkan semangat guru Kafa

SHAH ALAM - Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) memberi manfaat kepada 4,200 guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (Kafa) di Selangor jika mereka ditimpa musibah.

EXCO hal ehwal agama Islam berkata status mereka juga akan dijadikan kontrak untuk perkhidmatan (CFS) bagi melayakkan mereka menerima pembiayaan kesihatan dan kebajikan itu.

"Kerajaan Negeri juga bersetuju menimbang dan meluluskan pertambahan kadar caruman sebagaimana ditetapkan Perkeso dari semasa ke semasa," kata Mohd Zawawi Ahmad Mughni pada 30 Oktober.

Dalam Belanjawan Selangor 2021, sebanyak RM1.1 juta diperuntuk kepa-

da guru Kafa untuk menerima caruman majikan Perkeso mulai tahun depan.

Mohd Zawawi menjelaskan guru Kafa yang menerima elaun daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menikmati keistimewaan caruman Perkeso sejak 2019.

"Kerajaan Negeri berpandangan guru-guru Kafa di Selangor juga wajar mendapat keistimewaan perlindungan Perkeso yang sama," katanya.

Pada masa ini, terdapat 7,000 guru Kafa di bawah Jais dan mereka mendapat elaun daripada tiga sumber iaitu Jakim, Lembaga Zakat Selangor dan Kerajaan Negeri.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Mohd Shahzihan Ahmad

berkata caruman tersebut meningkatkan semangat guru Kafa untuk mendidik pelajar.

Beliau yakin komitmen tinggi dan ke-sungguhan guru Kafa bakal melahirkan umat Islam yang baik.

"Jais harap guru meningkatkan kemahiran mendidik, terus mencuba menjadi yang baik dan berkesan, berdisiplin, menjaga masa dan bersemangat dalam bekerja," katanya pada 31 Oktober.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Selangor dan Dato' Menteri Besar atas keprihatinan menjaga kebajikan serta masa depan guru Kafa negeri ini.

"Berita ini merupakan langkah terbaik dan pastinya menggembirakan semua guru Kafa," katanya.



Peluang pelajar tahfiz masuk IPT

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan RM2 juta bagi menaja yuran melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi (IPT) menerusi program Fast Track Tahfiz.

Dato' Menteri Besar berkata pelajar boleh meneruskan pengajian di Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) atau Universiti Selangor (Unisel).

"Inisiatif Fast Track Tahfiz terbuka kepada pelajar tahfiz yang menuntut di Selangor untuk menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) agar mereka mendapat peluang menceburi bidang

profesional dan teknikal.

"Setelah memperoleh keputusan SPM, mereka yang layak ditawarkan melanjutkan pengajian IPT bawah Kerajaan Negeri," katanya pada 30 Oktober.

Selain itu, Amirudin berkata program Tahfiz TVET/IKTISASS yang menyediakan struktur pembelajaran teknikal bersilibus beserta sijil profesional kepada peserta juga diperkenalkan.

"Program ini akan melahirkan golongan tahfiz yang berdaya saing dan berkemahiran tinggi. Kerajaan Negeri memperuntuk RM2 juta bagi membiayai latihan jangka pendek dan panjang," katanya.



Pendigitalan tingkatkan daya saing peniaga

SHAH ALAM - Agenda Digitalisasi Selangor yang menjadi fokus Belanjawan 2021 bakal mewujudkan peluang baharu perniagaan dan pekerjaan, kata EXCO pelaburan.

Dato' Teng Chang Khim berkata inisiatif tersebut juga meningkatkan daya saing perniagaan dan produktiviti syarikat untuk bangkit berdepan tempoh mencabar akibat penularan Covid-19.

"Peningkatan daya saing mewujudkan lebih banyak peluang dan cabang baharu perniagaan. Apabila ini berlaku, rantaian

bekalan akan bertambah untuk memenuhi permintaan pasaran.

"Selain itu, ekosistem pendigitalan yang semakin berkembang turut mempengaruhi pertumbuhan peluang pekerjaan kepada rakyat," katanya pada 31 Oktober.

Chang Khim berkata kemampuan ekonomi Selangor untuk bangkit susulan dampak Covid-19 bergantung kepada sejauh mana rakyat berubah dan menyokong agenda pendigitalan.

Sejumlah RM369 juta, satu pertiga dari

keseluruhan perbelanjaan pembangunan, disediakan bagi menjayakan agenda Negeri Pintar Ulung dan Agenda Digitalisasi dalam belanjawan.

Ekonomi negeri akan digerakkan secara menyeluruh melalui transformasi sistem perkhidmatan, sosial, perniagaan dan keusahawanan, penciptaan nilai serta seni kreatif.

Dasar itu juga memecahkan stigma bahawa pendigitalan tidak membunuh peluang pekerjaan, sebaliknya mewujudkan peluang pekerjaan.



Selamatkan syarikat, pekerja

RM75 juta bantu usahawan terjejas

OLEH **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Sebanyak RM75 juta digunakan bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas akibat Covid-19 melalui skim pembiayaan tunai Selangor Advance.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amiruddin Shari berkata pembiayaan itu bertujuan memastikan kelangsungan dan mengukuhkan daya saing per-

niagaan serta menyelamatkan syarikat dan pekerja.

"Peruntukan RM75 juta dicairkan bagi membantu kitaran ekonomi PKS mendepani cabaran semasa selain turut memberi baucar pelancongan dan melaksanakan projek Rumah Selangorku dan Idaman bagi merancakkan ekonomi.

"Untuk meningkatkan daya saing rakyat pula, Kerajaan Negeri melak-

sanakan inisiatif e-Dapur, e-Bazar, Selangor Kerjaya, Inisiatif Roda Darul Ehsan, Rakan Digital dan pelbagai bentuk bantuan lagi," katanya pada 2 November.

Dimulakan pada 22 Jun, Selangor Advance menerima dana permulaan RM100 juta dengan menawarkan pembiayaan berkonsep Tawarruq bagi membantu syarikat PKS dari segi aliran tunai untuk meneruskan perniagaan.

Bandar baharu di selatan negeri

SHAH ALAM - Projek Selangor Business Capital (SBC) di Cyberjaya bakal mewujudkan bandar baharu di selatan Selangor, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata projek tersebut turut mempercepat pembangunan pelbagai prasarana moden yang menjadi asas kewujudan kawasan baharu.

"Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) selaku pihak yang membangunkan pusat ekonomi baharu ini akan memohon kebenaran merancang pada

suku pertama tahun depan.

"Kita yakin SBC bakal mengubah landskap dan merangsang pertumbuhan ekonomi dengan membawa pelbagai limpahan manfaat kepada negeri serta negara," katanya pada 3 November.

Amirudin berkata Kerajaan Negeri sedang menilai rakan strategik serta pelabur berpotensi untuk melabur dalam projek berkenaan.

"Kita bercadang mengadakan prapelan-lancaran dalam tempoh terdekat, kemu-

dian kita boleh kenal pasti pelabur berpotensi yang berminat menyertai pembangunan SBC.

"Pembangunan projek tersebut sepatutnya dimulakan tahun ini, namun penularan Covid-19 menjejaskan perancangan yang dilakukan," kata beliau lagi.

SBC yang dibangunkan oleh PKNS di tanah seluas 56 hektar terletak di lokasi strategik antara Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan klia2.

Bas Smart Selangor kekal percuma

SHAH ALAM - Penduduk negeri akan terus menikmati keistimewaan melalui perkhidmatan percuma Bas Smart Selangor.

EXCO Pengangkutan Ng Sze Han berkata perkhidmatan yang dimulakan sejak 2015 antara salah satu cara Kerajaan Negeri menghargai rakyat.

"Hanya warga asing dikenakan caj 90 sen sebagai hasil tambahan untuk mengekalkan dan menambah baik mutu perkhidmatan bas itu," katanya.

Sejumlah RM25 juta diperuntukkan dalam Belanjawan 2021 bagi meneruskan perkhidmatan yang dilaksanakan 11 pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sebanyak RM5 juta pula ditampung PBT sebagai perkongsian kos bersama Kerajaan Negeri.

RM3 juta laksana Saringan Komuniti

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri membelanjakan hampir RM3 juta untuk melaksanakan dua fasa Saringan Komuniti Covid-19 bagi memutus rantai wabak, kata EXCO kesihatan.

Dr Mariah Mahmud berkata RM1.6 juta untuk fasa pertama pada Mac dan April manakala RM1.36 juta untuk fasa dua bermula Ogos yang berterusan sehingga kini.

"Menerusi fasa pertama seramai 5,433 individu disaring dan mengesan 10 kes positif manakala seramai 912 disaring setakat ini dalam fasa kedua.

"Saringan fasa dua sedang berjalan dengan menyasarkan rakyat negeri ini yang pulang dari Sabah serta kawasan berisiko tinggi," katanya pada 4 November.

Dr Mariah berkata Kerajaan Negeri turut melakukan pemeriksaan bersasar melibatkan petugas barisan hadapan.

"Mereka merupakan golongan berisiko tinggi yang terdedah kepada jangkitan. Kita kena pastikan golongan ini bebas Covid-19 kerana mereka sentiasa berada dalam kalangan masyarakat," katanya.

Pusat kawalan pintar permudah operasi

SHAH ALAM - Pusat Kawalan Smart Selangor (C5i) yang pada peringkat akhir pembinaan akan meningkatkan kecekapan operasi pelbagai agensi jika berlaku kecemasan.

Pengarah urusan Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) Dr Fahmi Ngah berkata teknologi pintar memudahkan proses dibuat dengan pantas sekali gus menyenangkan proses atur dan gerak.

"Pusat C5i memastikan operasi kawal dan perintah dijalankan bersama melibatkan Unit Pengurusan Bencana Negeri, polis, Jabatan Alam Sekitar, pihak berkuasa tempatan serta pelbagai agensi lain.

"Kecekapan operasi pusat C5i turut disokong jaringan kamera litar tertutup, papan pemuka utama pintar dan komputer," katanya.



DARI MUKA DEPAN

Manfaat teknologi elak air dicemar

Keempat, melaksanakan projek pengempaan air mentah dari kolam takungan HORAS 600 di Sungai Selangor dan kolam takungan di Sungai Semenyih.

Selain itu, Amirudin berkata beberapa langkah tambahan turut dilaksanakan termasuk memanfaatkan teknologi bagi mengukuhkan usaha mengelak sumber air dicemar.

- memastikan premis termasuk yang beroperasi secara haram berhampiran tebing sungai diroboh
- menggunakan dron, pengurusan data dan analisis kecerdasan buatan untuk disalurkan kepada pusat kawalan
- menubuhkan jawatankuasa khas bagi memastikan sungai tidak dicemari bahan kimia atau sampah sarap
- menyegerakan cadangan pembangunan air mentah Sungai Rasau sebagai sumber air baharu



RM15 juta untuk pinjaman Hijrah

1,000 usahawan baharu dapat manfaat

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) menganggar lebih 1,000 usahawan baharu bakal menerima manfaat menerusi peruntukan pinjaman RM15 juta pada tahun hadapan.

Pemangku ketua pegawai eksekutifnya Normaiza Yahya berkata inisiatif itu memberi peluang kepada golongan terbabit memulakan perniagaan bagi meningkatkan ekonomi mereka.

Beliau juga berharap peruntukan tersebut dapat membantu usahawan beranjak ke arah pendigitalan perniagaan.

"Hijrah Selangor berterima kasih kepada Kerajaan Negeri atas peruntukan dan ia membolehkan penyaluran modal dengan mudah, cepat serta tidak membebankan kepada usahawan," katanya pada 31 Oktober.

Dalam Belanjawan Selangor 2021, pro-



gram Niaga Darul Ehsan (NaDi) diperkenalkan bagi memudahkan peniaga memohon pinjaman serendah RM1,000 hingga 3,000. Sehingga kini, Hijrah menyalur pinjaman RM517 juta bagi membantu 53,958 usahawan.

Selain itu, Normaiza berkata inisiatif e-Dapur Selangor 2.0 serta e-Pembekalan Peruncit Mikro dan Kecil yang akan

dilaksanakan turut membantu usahawan negeri ini.

"Kita pernah melaksanakan e-Dapur Selangor 1.0 dan usahawan yang menyertainya amat berpuas hati, malah menerima keuntungan tidak dijangka.

"Sudah pasti dengan pelaksanaan inisiatif baharu ini akan mendorong usahawan bergerak lebih maju," katanya lagi.

Kerja ganti paip usang 150km setahun

SHAH ALAM - Kerja penggantian paip usang di negeri ini hanya dapat dilakukan sepanjang 150 kilometer sahaja dalam tempoh setahun, kata EXCO infrastruktur dan kemudahan awam.

Jelasnya, peruntukan kewangan bukan sahaja disalurkan kepada penggantian paip tetapi turut disalurkan untuk menyelenggara loji rawatan serta pembinaan Loji Rawatan Air Labohan Dagang.

"Saya faham permintaan wakil rakyat yang berharap supaya kerja penggantian paip dilakukan lebih cepat dan baik kerana mahu mengurangkan impak kepada rakyat.

"Namun kita kena terima hakikat, untuk menggantikan paip usang sepanjang 6,000km dalam sekelip mata adalah mustahil. Ini kerana kos anggaran bagi satu kilometer paip dianggarkan

RM1 juta," kata Ir Izham Hashim pada 2 November.

Pada 19 Ogos lalu, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Selangor sudahpun menggantikan 400km paip usang sejak 2016.

Kerja penggantian itu memfokuskan kawasan berisiko tinggi termasuk lokasi kerap mengalami tekanan air tidak stabil.

SELANGOR

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT Lembaga Editorial MSSB

PENGARANG KUMPULAN Fathi Aris Omar

KETUA PENGARANG Fazallah Pit

PENGARANG KANAN Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Naeem Raffi, Mohd Ezli Mashut, Afeeqa Afeera, Hafizan Taib, Aishah Amin & Norzilawati Sidek

WARTAWAN

Afix Redzuan syafiq@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim nazli@mediaselangor.com,

Khairul Azran Hussin khai@mediaselangor.com

Nadiah Zamrus sitinadiah@mediaselangor.com

Amin Ridzuan Ishak min.ridzuan@mediaselangor.com

Norrasyidah Arshad norrasyidah@mediaselangor.com

Sheeda Fathil sheeda@mediaselangor.com

Zareef Muzammil zareefmuzammil@mediaselangor.com

Aliff Fikri aliff.fikri@mediaselangor.com

JURUGAMBAR Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof

GRAFIK & REKA LETAK Azwa Malek, Azarina Aziz, Farah Azila Mustapha

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLAMAN

Nadhrah Azlan nadhrah@mediaselangor.com

Syahir Khadri syahir@mediaselangor.com

Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor

Tel: 03-5523 4856 Faks: 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

JAS keluar 106 kompaun cemar sungai

SHAH ALAM - Sebanyak 106 kompaun bernilai RM212,000 dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor ke atas pencemar sungai bermula Januari hingga September lalu.

EXCO alam sekitar berkata ia

susulan insiden pencemaran sungai berulang kali menyebabkan henti tugas loji rawatan air mutakhir ini.

Hee Loy Sian berkata, sebanyak 91 pertuduhan mahkamah dikemukakan dengan nilai kom-

paun RM915,000.

"JAS Selangor membuat pemeriksaan berkala terhadap industri yang menghasilkan menyasat segera aduan dan melaksanakan operasi gempur setiap bulan di kawasan perindustrian hulu sungai," katanya pada 3 November.

Bagi peringkat pihak berkuasa tempatan, Majlis Perbandaran Selayang mengeluarkan nilai kompaun tertinggi sebanyak RM40,000 manakala jumlah kompaun paling banyak dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Kajang iaitu 211.

Sementara itu, Kementerian Alam Sekitar dan Air dijangka membentangi pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di Parlimen bagi menaikkan jumlah denda untuk menghukum pencemar sungai.



Sultan gembira petugas Hospital Sungai Buloh terima anugerah global

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor mengucapkan tahniah kepada dua petugas Hospital Sungai Buloh yang menerima pengiktirafan Anugerah Kesihatan Global (GHA 2020).

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berbangga dengan pencapaian Dr C Suresh Kumar dan Dr Shaiful Azman Zakaria yang menunjukkan dedikasi dan komitmen tinggi dalam menangani wabak Covid-19.

"Baginda berharap petugas barisan hadapan terus tabah dan cekal dalam

menjalankan tugas masing-masing merawat pesakit Covid-19," kenyataan Istana pada 2 November dipetik.

Dr C Suresh bertugas sebagai ketua Jabatan Penyakit Berjangkit dan Dr Shaiful Azman pula ketua Jabatan Anestesia dan Rawatan Rapi.

Sultan Sharafuddin juga meminta pihak berkuasa tempatan dan polis lebih tegas membuat pemantauan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berikutan banyak kes baharu Covid-19.

"Baginda kecewa kerana masih terdapat segelintir pihak yang tidak mengambil serius, lalai dan ingkar dalam mematuhi arahan PKPB khususnya pengendali premis hiburan dan makanan.

"Baginda khawatir sekiranya kedegilan pematuhan tatacara operasi piawai (SOP) di bawah PKPB ini berterusan, penularan wabak berbahaya Covid-19 ini sukar untuk dibanteras sepenuhnya," menurut kenyataan itu lagi yang disiarkan di Facebook.

Tambah 30,000 unit Rumah Selangorku

SHAH ALAM - Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kesejahteraan Bandar akan meneliti pelaksanaan Insentif Galakan Pembinaan Rumah Mampu Milik bagi menambah 30,000 unit lagi.

Pengerusinya Rodziah Ismail berkata pihaknya akan memberi tumpuan menyediakan kediaman yang sejahtera demi manfaat masyarakat, bukan sekadar struktur binaan.

"Kita akan teliti pelaksanaannya kerana bila bercakap mengenai kediaman, bukan bermaksud rumah sahaja tetapi juga melibatkan persekitarannya," katanya pada 1 November ketika mengulas Belanjawan Selangor 2021.

Melalui insentif tersebut, Kerajaan Negeri menasarkankan penambahan kepada 60,000 unit dalam tempoh tiga tahun melalui konsep Rumah Selangorku.

Rumah berkonsep ini seluas 1,000 kaki persegi dengan harga RM250,000 seunit yang lengkap dengan penghawa dingin, kabinet dapur, kabinet baju dan pemanas air.

Manis jamin masa depan wanita

SHAH ALAM - Penubuhan Majlis Wanita Selangor (Manis) tahun hadapan mampu menghasilkan polisi terbaik jangka panjang bagi menjamin kepentingan golongan itu.

Ketua pegawai eksekutif Institut Wanita Berdaya (IWB) berkata platform itu dijangka mendapat input berkesan hasil idea semua pihak terutama badan bukan kerajaan (NGO).

"Mereka boleh bersuara dan memberi pandangan masing-masing. Pendapat mereka akan dikaji untuk dijadikan dasar.

"Kita mengalu-alukan penyertaan mana-mana NGO dan agensi. Matlamat kita mahu memberdayakan wanita dalam semua aspek," kata Siti Kamariah Ahmad Subki.

Melalui Belanjawan Selangor 2021, Manis ditubuhkan bagi memperteguh agenda martabat wanita meliputi ekonomi, sosial, politik dan budaya.

Skim Ceria tumpu baiki flat usang

SHAH ALAM - Kerosakan perumahan pangsapuri kos rendah dan sederhana yang dibina lebih 10 tahun akan dibaik pulih menerusi Skim Ceria.

EXCO perumahan dan kehidupan bandar berkata aspek yang diberi keutamaan ialah bangunan yang menjejaskan pemandangan terutama pangsapuri di kawasan tumpuan orang awam.

"Skim Ceria sepanjang 2020 juga memberi tumpuan bantuan gantian bumbung akibat faktor usang," kata Rodziah Ismail pada 2 November.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri memperuntuk RM10 juta melalui Skim Ceria bagi membaik pulih kerosakan pangsapuri kos rendah dan sederhana.

Peluang belia jana pendapatan

RiDE akan diperluas ke luar bandar

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan memperluaskan Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) kepada golongan belia di luar bandar tahun hadapan.

EXCO pembangunan generasi muda berkata usaha itu membuka ruang kepada mereka untuk menjana pendapatan dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi.

"Sebanyak RM2 juta diperuntuk bagi meneruskan RiDE tahun depan seperti diumumkan Dato' Menteri Besar dan kita mahu menambah baik penggunaannya.

"Saya percaya ia akan membantu belia di Selangor untuk terlibat dalam ekonomi e-panggilan," kata Mohd Khairuddin Othman.

RiDE membantu kira-kira 3,000 anak muda memperoleh kerjaya baharu sebagai penghantar dalam perkhidmatan e-panggilan dengan mengikuti kursus secara berperingkat.

Peserta bakal menerima subsidi lesen motosikal B2 berjumlah RM350, kursus e-panggilan bernilai RM200 dan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial RM70 setahun.



Bantu 15,000 rakyat dapat kerja

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor serius membantu rakyat mendapatkan pekerjaan dengan menyediakan RM76 juta menerusi Belanjawan Selangor 2021.

EXCO Pembangunan Generasi Muda Mohd Khairuddin Othman berkata peruntukan lebih besar kali ini bertujuan mewujudkan lebih 15,000 peluang pekerjaan.

"Ia usaha yang baik. Selain memberi peluang pekerjaan, Kerajaan Negeri bercadang menyediakan kemahiran untuk mereka bersesuaian dengan

pasaran.

"Semoga usaha sebegini dapat mengurangkan jumlah pengangguran ketika pandemik Covid-19 seterusnya meningkatkan ekonomi rakyat," kata

Antara inisiatif yang bakal dilaksanakan adalah:

- Selangor Kerjaya membuka 10,000 peluang kerja bersesuaian dengan Revolusi Industri 4.0

- Inisiatif Selangor Automotif TVET membantu padanan kerja antara 3,000 graduan dengan sektor automotif sekitar negeri

- Lantik 1,000 rakan Digital Selangor untuk membiasakan rakyat kepada aplikasi digital

- Inisiatif Selangor Freelancers membantu graduan, suri rumah dan individu hilang kerja menjana pendapatan sampingan



Tingkat prasarana air tiga negeri

SHAH ALAM - Projek naik taraf infrastruktur air di Selangor, Kelantan dan Pahang antara cadangan utama Pakatan Harapan (PAKATAN) dalam Belanjawan Perpaduan 2021.

PAKATAN turut menyarankan peruntukan disalurkan kepada projek Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP).

"Kami berharap cadangan ini diterima dan menteri memasukkan ke dalam Belanjawan Perpaduan 2021.

"Kami menunggu langkah dan respon berikutnya daripada kerajaan dalam proses rundingan ini," kata kenyataan berkenaan.

Kenyataan itu dibuat bersama Presiden Parti Amanah Negara Mohamad Sabu, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng dan Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Terdahulu, ketiga-tiga mereka bertemu Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Aziz bagi mengemukakan enam cadangan utama Belanjawan Perpaduan 2021.



Bantu rakyat berdepan kegawatan

PAKATAN saran lanjut moratorium hingga Mac

OLEH NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Lanjutkan moratorium bank sehingga 31 Mac tahun hadapan antara cadangan Belanjawan Perpaduan 2021 yang dikemukakan Pakatan Harapan (PAKATAN) kepada menteri kewangan pada 1 November.

Mengikuti PAKATAN, ekonomi Malaysia berdepan cabaran bagi memastikan kelangsungan perniagaan kecil, peker-

jaan, masa depan dan keadaan kewangan rakyat berikutan penularan Covid-19.

"Penting bagi kerajaan dan pembangkang untuk bersama menghasilkan Belanjawan Perpaduan yang khusus membantu rakyat mengatasi dan bertahan dalam kegawatan Covid-19," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu dibuat bersama Presiden Parti Amanah Negara Mohamad Sabu, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng dan Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat,

Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Pada 29 Julai lalu, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan lanjutan moratorium dan bantuan bank bersasar untuk tempoh tiga bulan kepada golongan yang hilang atau tiada pekerjaan.

Selepas tiga bulan, tempoh moratorium boleh dilanjutkan oleh bank bergantung kepada situasi individu masing-masing.

Tambah dana KKM perangi Covid-19

SHAH ALAM - Pakatan Harapan (PAKATAN) mencadangkan tambahan dana kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mendepani isu Covid-19 dan penyakit tidak berjangkit.

Mengikuti PAKATAN, cadangan itu dikemukakan kepada Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Aziz pada

1 November lalu supaya vaksin diperoleh seterusnya diberi kepada golongan berisiko.

"Dana juga perlu untuk membuat bayaran adil kepada barisan hadapan, menyerap pegawai kontrak ke jawatan tetap serta menambah bilangan jururawat, kekitangan pembersihan dan pengesanan kontak rapat.

"Kos juga diperlukan bagi menangani krisis pandemik itu di Sabah," kata kenyataan berkenaan.

Kenyataan itu dibuat bersama Presiden Parti Amanah Negara Mohamad Sabu, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng dan Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.



**"Lima Dekad Menabur Bakti,
Menyemai Pendidikan Unggul,
Beriltizam Mengupaya Insan,
Bertekad Merealisisi Wawasan"**



Allahyarham
Dato' Seri Haji Harun Idris
PENGASAS YAYASAN SELANGOR

*Ulangtahun Ke-50 Penubuhan
Yayasan Selangor, 5 November 2020*

Y.A.B DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor
Merangkap
Pengerusi Lembaga
Pemegang Amanah Yayasan Selangor



www.yayanselangor.org.my



Informasi
Terkini
di jari anda



MUAT TURUN
PERCUMA
APLIKASI



CAKNA... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyampaikan bantuan RM500 kepada 110 keluarga mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Sungai Serai, Hulu Langat yang dijadikan pusat pemindahan sementara.

Seramai 60 keluarga ditempatkan di situ, manakala 50 keluarga lagi di Kompleks Penghulu Batu 10 susulan banjir kilat yang melanda tujuh kampung selepas hujan lebat sejak 2 pagi pada 4 November.

Lokasi terjejas ialah Kampung Batu 20 Sungai Lui, Kampung Batu 14, Kampung Batu 16, Kampung Kuala Perdik, Kampung Batu 18, Kampung Batu 17 dan Kampung Sungai Serai.

Benarkan operasi taska zon kuning

SHAH ALAM - Kerajaan disaran membenarkan operasi taska atau pusat asuhan di zon hijau dan kuning bagi memudahkan urusan ibu bapa bekerja.



EXCO pembangunan wanita dan keluarga berkata penutupan taska di kawasan yang tidak merekodkan kes memberi kesan besar kepada pengusaha taska.

"Kita harap kajian dilakukan. Melalui data kita boleh lihat kawasan mana terkesan jadi kawasan itu kita tutup atau tidak benarkan taska beroperasi.

"Ketika ini semua taska ditutup. Ibu bapa yang bekerja dan terpaksa menanggung risiko menghantar anak kepada pengasuh tidak berdaftar," kata Dr Siti Mariah Mahmud pada 31 Oktober.

Susulan itu, beliau berhasrat menyuarakan perkara itu kepada kerajaan persekutuan dan berharap ia dipertimbangkan dengan tatacara operasi piawai (SOP) ketat.

Ketika ini, semua sekolah dan taska seluruh Selangor tidak dibenarkan beroperasi ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat sehingga 9 November ini.

Putrajaya perlu kukuh tonggak ekonomi

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri berharap Belanjawan Persekutuan 2021 memberi tumpuan kepada usaha mengukuhkan sektor aeroangkasa, capaian internet dan pembinaan hospital baharu.

Dato' Menteri Besar berkata sektor berkenaan antara tonggak penting ekonomi Selangor dan memerlukan sokongan Putrajaya untuk menampai kesan penularan wabak.

"Eropah dan Amerika Syarikat memberi tumpuan khusus kepada sektor aeroangkasa yang terjejas akibat penularan Covid-19 sebagai persediaan untuk masa akan datang.

"Ketika ini, hanya 8,000 hingga 10,000 pesawat terbang berbanding keadaan biasa hampir 25,000 pesawat, namun sektor ini dijangka berkembang pantas sebaik sahaja wabak tamat, jadi kita perlu bersedia bermula sekarang," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 3 November.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata capaian internet di Selangor hanya pada kadar 60 hingga 70 peratus dan masalah tersebut perlu segera diatasi.

"Telekom Malaysia berjanji untuk melengkapkan capaian internet di seluruh Selangor pada 2022, tetapi kita berharap dipercepatkan kerana tidak mahu masalah ini mengganggu sasaran Selangor Negeri Pintar menjelang 2025," katanya.

Amirudin turut berharap peruntukan pembinaan hospital baharu diluluskan dalam belanjawan berikutan tapaknya sudah disediakan Kerajaan Negeri.

"Hospital Tengku Ampuan Rahimah di Klang sudah sesak ditambah pula Hospital Sungai Buloh yang dijadikan tempat merawat pesakit Covid-19. Malah Kerajaan Negeri menyediakan tanah seluas 50 ekar di Meru, Klang untuk membina hospital," katanya.

RM61 bilion bayar hasil petroleum

KUALA LUMPUR - Jumlah hasil petroleum yang dibayar kepada Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan dari 2008 hingga 2020 adalah RM61.32 bilion, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamad.

Beliau berkata jumlah bayaran tunai hasil petroleum yang disalurkan kepada Sa-

rawak dan Sabah bagi tempoh 2008 hingga Ogos 2020 adalah masing-masing RM25.3 bilion dan RM13.2 bilion.

Bayaran khas petroleum kepada Terengganu dan Kelantan bagi tempoh yang sama masing-masing sebanyak RM22.4 bilion dan RM418.9 juta, katanya pada 2 November. - BERNAMA

ECO BUSINESS PARK V
KLANG VALLEY

BUILT FOR VISIONARIES

26' x 80' Kilang Berservis | 75' x 145' Kilang Berkembar | 150' x 145' Kilang Tunggal

Versatiliti Perniagaan yang Membuka Peluang

Besarkan skala perniagaan dan peluang keusahawanan anda di taman perindustrian hijau terbaru - Eco Business Park V di Puncak Alam.

Akses Terbaik

Konsep ruang fleksible

Komuniti dengan kawalan keselamatan

Persekitaran yang hijau

PARAGON PINNACLE SDN BHD (1098122-T)
EcoWorld Gallery @ Eco Business Park V
Lot 6232, Persiaran Mokhtar Dahar,
Eco Grandeur, 42300
Bandar Puncak Alam, Selangor.
E.ecobusinesspark5@ecoworld.my

Dengan perkhidmatan bertaraf antarabangsa dan bantuan pakar setiap hari.
Isnin - Jumaat 9pg - 6pg
Sabtu/Ahad dan Cuti Awam 10pg - 6 pg

+603 3270 2525
www.ecoworld.my

Persekitaran hijau
ECOWORLD
CREATING TOMORROW & BEYOND

KWSP
EPF

Kesemua tender dan gambar di dalam risalah ini adalah gambaran artis sahaja. Pihak Penuju berhak untuk mengubah-ubah apa-apa bahagian bangunan sebelum ia disiapkan seperti yang telah diarahkan atau dipersejajai arkitek dan/atau pihak berkuasa yang relevan. Kesemua pelan, saiz dan spesifikasi tertera tidak pada sebarang penjabatan dan tidak boleh diambil kira sebagai suatu tawaran atau sebahagian dari kontrak. Pihak Penuju berhak untuk mengubah, menukar atau mengubahsuai kesemua maklumat di dalam ini tanpa pemberitahuan. Bilamana kesemua langkah telah diambil apabila mengeluarkan maklumat ini, Pihak Penuju tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk apa-apa variasi. Untuk mengelakkan sebarang keraguan mengenai saiz, atur, maklumat dan spesifikasi, sila rujuk kepada Perjanjian Jual Beli.



Belanjawan untuk manfaat semua


Dengan peruntukan RM2.32 bilion, Belanjawan Selangor 2021 menumpu usaha pemulihan ekonomi akibat Covid-19 dengan tidak mengabaikan golongan bawah yang perlu diberikan bantuan.

Melalui lima strategi, belanjawan bertema Melakar Realiti Baharu: Memperkasa Ekonomi Bermaruah Paksi Kececalan Rakyat menggerakkan program pendigitalan sebagai langkah merancak ekonomi pascawabak.

Belanjawan tahun depan tidak hanya tertumpu kepada sektor berskala besar bagi memacu ekonomi dan pembangunan negeri, tetapi turut menyalurkan pelbagai bantuan ke peringkat akar umbi masyarakat.

Selain memberi bantuan tunai dalam inisiatif sedia ada, Belanjawan Selangor 2021 menyediakan latihan vokasional dan teknikal, memudahkan usaha niaga dan membantu warga negeri menjana pendapatan.

Berdasarkan teks pembentangan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari di Dewan Negeri Selangor pada 30 Oktober, wartawan **ALIFF FIKRI** merumus isi penting yang menjadi perhatian utama.



STRATEGI PERTAMA: AGENDA DIGITALISASI SELANGOR, PEMANGKIN NEGERI PINTAR ULUNG

Kelulusan Dokumen Digital Kerajaan RM2 juta

- diperkenal di peringkat Pejabat Tanah dan Galian
- kurangkan tempoh proses dokumen pindah milik

Dana Inovasi Selangor RM100 juta

- suntikan modal teroka kepada syarikat pemula

Selangor Advance RM130 juta

- bantu pembekal dan penyedia perkhidmatan kepada kerajaan dan anak syarikat lancarkan aliran tunai

Inisiatif Automatif TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) RM5 juta

- caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selama 12 bulan untuk bengkel salur kepada peserta
- manfaat kepada 3,000 graduan TVET

Rakan Digital Selangor RM3 juta

- biasakan penduduk guna aplikasi digital
- tingkatkan pendapatan tambahan dan pendidikan anak



Pekerja Sambilan Selangor (Selangor Freelancers) RM10 juta

- bantu rakyat guna kemahiran bagi jana pendapatan
- untuk lulusan kampus, tenaga kerja yang diberhentikan dan suri rumah



WIFI & DATA INTERNET SELANGOR

Wi-Fi dan Data Internet Selangor RM17.5 juta

- manfaat kepada 54,000 pengguna, khususnya golongan berpendapatan rendah (B40), ibu tunggal dan mahasiswa



SELANGOR E-KITCHEN 2.0

e-Dapur Selangor RM10 juta

- bantu peniaga kecil cari pasaran melalui khidmat e-panggilan

Program Digitalisasi Urus Tadbir Tenaga Kerja (PRODUK)

- bantu industri kecil sederhana (IKS) ke arah pendigitalan
- percuma kepada syarikat IKS yang mendaftar dalam tiga bulan
- kurangkan kos dan digitalkan urus tadbir syarikat IKS

Inisiatif e-Pembekalan Peruncit Mikro

- bantu 1,000 peruncit mikro
- beri pinjaman mikro kredit untuk peruncit beli stok
- guna kaedah digital untuk percepat pesanan dan bayaran

e-Sukan RM3 juta

- ekosistem e-sukan melalui penganjuran kejohanan amatur, latihan dan bimbingan kepada belia

STRATEGI KEDUA: SELANGOR SENTOSA, UMMAH SEJAHTERA



KASIH IBU SMART SELANGOR IBU TUNGGAL (KISS IT)

Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) Ibu Tunggal RM62 juta

- RM200 sebulan untuk wanita B40 beli barangan keperluan asas
- 5,000 ibu tunggal dapat manfaat

Sukarelawan Jiran Baik RM300,000

- bantu masalah keciciran bantuan bagi mereka yang tiada upaya bergerak
- sasarkan warga emas, wanita dan kanak-kanak

Pembangunan Orang Asli RM1 juta

- tambah baik rumah dan bantu pewartaan tanah perkampungan

Ketua komuniti India


- tambah 14 orang lagi kepada 62 ketua
- bantu negeri dapat maklum balas dan selesai masalah setempat
- terima elaun bulanan dan peruntukan program

Bank Makanan Kanak-Kanak RM1 juta

- daripada peruntukan RM6 juta bawah program Bank Makanan
- atasi masalah kurang makanan berkhasiat di semua 56 Dewan Undangan Negeri

Warga emas RM27.5 juta

- bantuan khairat kematian RM500 diwujudkan



PUSAT TUISYEN RAKYAT (PTRS)

Pendidikan sekolah dan universiti

- Pusat Tuisyen Rakyat RM13 juta
- Pinjaman Universiti Selangor (Unisel) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) RM35 juta
- Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Selangor RM8 juta
- bantuan lanjut pelajaran ke luar negara Bitara RM1 juta

Bantuan Yuran Asas Selangor (BAYU) RM4 juta

- tidak perlu bayar yuran masuk Universiti Selangor dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Karnival Kerjaya Selangor

- ruang golongan muda cari pekerjaan
- himpunan syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan

Kursi Menteri Besar Selangor RM5 juta

- kerjasama Perbadanan Menteri Besar (MBI) dengan Universiti Putra Malaysia (UPM)
- perkasa penyelidikan dalam bidang ekonomi, kewangan dan keusahawanan

Bakat Muda Selangor RM1 juta

- bangukan bakat dalam seni lukis, muzik dan sastera

Sukan & anak muda

- pembangunan atlet dan bakat baharu RM27.9 juta
- pembinaan generasi muda dan sukan RM34.9 juta
- Penggerak Belia Tempatan (PeBT) RM2.83 juta
- bola sepak RM20 juta

Rancarkan pelancongan RM5.85 juta

- Kempen Pusing Selangor Dulu bagi menarik minat orang ramai ke Selangor

STRATEGI KEEMPAT: MEMPERKASA KEMAMPANAN ALAM SEKITAR, SUMBER DAN RANTAIAN BEKALAN MAKANAN

Skim Air Darul Ehsan RM40 juta

- beri manfaat kepada 250,000 pengguna
- RM1.8 bilion dibelanjakan sejak 2019

Skuad Pantas Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

- pengawasan 24 jam di lembangan Sungai Selangor dan Sungai Langat
- tambah bilangan stesen sukat kualiti air sebagai sistem amaran awal

Tangani pencemaran air RM200 juta

- premis berpotensi cemar anak-anak sungai



semula dengan dana RM7.5 juta

- Skim Mesra Usia Emas, termasuk Jom Shopping, diteruskan RM20 juta

Majlis Wanita Selangor (Manis), Pusat Wanita Berdaya & Institut Wanita Berdaya RM4.8 juta

- Manis rangka dasar pemberdayaan wanita, kerjasama dengan badan bukan kerajaan
- Pusat Wanita Berdaya (PWB) bantu B40 terima RM3 juta
- Institut Wanita Berdaya (IWB) aruspandanakan gender RM1.8 juta

Ekspo Hasil Suri Selangor RM300,000

- untuk wanita B40 ketengahkan produk
- upayakan ibu tunggal dan orang kelainan upaya pasarkan jualan

Caruman Perkeso untuk guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) RM1.1 juta

- manfaat kepada 4,200 guru

Program Tahfiz TVET/Inisiatif Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS) RM2 juta

- pelajar dapat latihan dan sijil kemahiran



Fast track untuk pelajar tahfiz RM2 juta

- 200 pelajar ambil peperiksaan SPM dan kemudiannya sertai latihan teknikal

Bina masjid, sekolah agama dan pusat tahfiz (sebahagian RM378 juta)

- sembilan masjid, dua sekolah rendah dan dua maahad tahfiz

STRATEGI KETIGA: MEMACU PENCIPTAAN NILAI DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Niaga Darul Ehsan atau NaDi (sebahagian program Hijrah RM15 juta)

- peniaga kecil dapat pinjaman RM1,000 hingga RM3,000
- boleh mohon tanpa premis tetap dan syarikat
- kena daftar syarikat selepas enam bulan terima pinjaman
- lesen pihak berkuasa tempatan (PBT) selepas ada syarikat

Skim pinjaman Zero to Hero (sebahagian program Hijrah RM15 juta)

- bantu mulakan perniagaan walau tanpa lesen PBT dan daftar syarikat
- terbuka kepada warga negeri 18 hingga 60 tahun

Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) RM2 juta

- bantu 3,000 anak muda keluarga B40 cari pendapatan melalui khidmat e-panggilan

dirobah

- pantau guna dron berteknologi tinggi termasuk analisis data

Sahabat Sungai (Friends of River) RM1 juta

- sukarelawan bantu kempen pemuliharaan sungai

Pertanian untuk makanan RM26.4 juta

- guna teknologi untuk hasilkan pulangan tinggi di kawasan terhad

Pertanian komuniti RM500,000

- galak masyarakat setempat jayakan jaminan bekalan makanan khusus di bandar

Kemudahan simpanan makanan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor

- kemudahan bilik dingin dan sejuk beku
- kongsi data antara pengeluar dan rantaian edaran ke pasar
- kerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama)
- tiga lokasi terbesar sedia ada: Dengkil, Puchong dan Kuala Selangor

STRATEGI KELIMA: MERANCAKKAN PEMULIHAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI

Rumah Selangorku Idaman dan Harapan

- tambah kepada 60,000 unit dalam masa tiga tahun
- pemaju dibenarkan pinda syarat rumah jenis A, B, C dan D kepada jenis khas (E)
- saiz rumah 1,000 kaki persegi dengan harga tidak lebih RM250,000 seunit
- lengkap penghawa dingin, kabinet dapur, kabinet baju dan pemanas air

Skim Smart Sewa RM20 juta

- kadar berpatutan untuk golongan berpendapatan rendah (B40) dan pertengahan (M40)

Smart Sewa to Ownership (2Stay)

- nilai hartanah yang dibangunkan RM750 juta
- bantu golongan kurang mampu dan sukar dapat pembiayaan untuk miliki rumah pertama

Bandar Belia dan Sukan di kawasan Stadium Shah Alam

- nilai pembangunan kasar (GDV) RM8 bilion
- inisiatif pembiayaan dengan syarikat swasta
- menyegarkan semula kawasan berpotensi tinggi

Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) RM11 juta

- acara tahunan tarik pelabur
- pameran produk tempatan dan kerjasama dengan syarikat asing

Pameran Penerbangan Selangor RM2 juta

- galak pembangunan industri aeroangkasa di Subang
- ruang syarikat tempatan promosi produk dan teroka pelaburan

Projek besar pembangunan negeri

- pembangunan infrastruktur RM170 juta
- melancarkan aliran trafik RM103.4 juta
- membina jalan baharu RM36 juta
- teruskan operasi Bas Smart Selangor RM25 juta
- membina tebatan banjir RM78 juta
- pengurusan saluran mesra alam RM18 juta
- bangukan sistem saluran RM12.51 juta
- bina benteng pantai RM2.64 juta



BELANJAWAN SELANGOR 2021



Menampakan kesan kelestarian ekonomi

Belanjawan Selangor 2021 telah selesai dibentangkan kepada Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor pada 30 Oktober. Bertemakan “Melakar Realiti Baharu: Memperkasa Ekonomi Bermaniah Paksi Kececalan Rakyat” belanjawan kali ini memperuntukkan RM2.323 bilion bagi perbelanjaan 2021 yang mampu mencipta 15,000 peluang pekerjaan bagi rakyat Selangor, terutamanya mereka yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan ekoran pandemik Covid-19.

Belanjawan tersebut memfokuskan kepada lima strategi iaitu:


- **Agenda Digitalisasi Selangor, Pemangkin Negeri Pintar Ulung**
- **Selangor Sentosa, Ummah Sejahtera**
- **Memacu Penciptaan Nilai dan Pembangunan Modal Insan**
- **Memperkasa Kemampanan Alam Sekitar, Sumber dan Rantaian Bekalan Makanan**
- **Merencanakan Pemulihan Ekonomi dan Pembangunan Industri**

RM1.103 bilion atau 47 peratus peruntukan keseluruhan akan digunakan untuk perbelanjaan pembangunan selaras hasrat membimbing kececalan rakyat dalam melalui fasa-fasa berbeza wabak Covid-19 yang belum lagi kelihatan penghujungnya.

Bagi menjayakan agenda Negeri Pintar Ulung serta Agenda Digitalisasi Selangor, sebanyak RM369 juta diperuntukkan untuk mewujudkan program baharu seperti Dana Inovasi Selangor bagi membantu pengusaha pemula dan memposisikan Selangor sebagai pelabur peringkat awal (early stage investor), Smartbox Pejabat Tanah Galian (PTG)

PERUNTUKAN

RM2.323 BILION



BERPANDUKAN PENDEKATAN SIFAR BELANJAWAN

EMOLUMEN
RM439.96 JUTA

PERKHIDMATAN DAN BEKALAN
RM520.43 JUTA

ASET
RM4.80 JUTA

PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP
RM203.51 JUTA

PERBELANJAAN LAIN-LAIN
RM51.30 JUTA

AGENDA DIGITALISASI SELANGOR PEMANGKIN NEGERI PINTAR ULUNG

SELANGOR SENTOSA, UMMAH SEJAHTERA

MEMACU PENCIPTAAN NILAI DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

MEMPERKASA KEMAMPAKAN ALAM SEKITAR, SUMBER DAN RANTAIAN BEKALAN MAKANAN

MERENCANKAN PEMULIHAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI

untuk memudah cara urusan tanah, Rakan Digital Selangor sebagai dorongan dan pendidikan awam serta kelangsungan program-program sedia ada seperti e-Dapur 2.0 dan e-Sukan.

Tingkat perkhidmatan internet

Inisiatif Data Internet Selangor turut diperkenalkan dengan peruntukan RM17.5 juta untuk membantu pelajar serta golongan yang memerlukan perkhidmatan internet pada harga lebih berpatutan.

Bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Selangor menceburi bidang keusahawanan, satu inisiatif khas yang diberi nama Niaga Darul Ehsan (NaDi) akan memberi pinjaman serendah RM1,000 untuk membantu rakyat Selangor memulakan perniagaan kecil. Inisiatif Selangor e-Pembekalan Peruncit Mikro turut diwujudkan bagi membantu peruncit mikro dan kecil di seluruh negeri.

Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM56.5 juta untuk memperkasa sektor kesihatan awam, lebih-lebih lagi pada saat pandemik semakin menjadi-jadi. Jumlah ini 23 peratus lebih tinggi berbanding peruntukan kesihatan dalam belanjawan lalu iaitu RM46 juta.

Kerajaan Negeri telah menambah baik program Kasih Ibu Smart Selangor (Kiss) dengan peruntukan RM62 juta melalui pemberian manfaat sebanyak RM200 sebulan dengan penambahan 5,000 orang





penerima dari golongan ibu tunggal (Kiss Ibu Tunggal) dari seluruh Selangor.

Bagi menyantuni warga emas, Kerajaan Negeri menyediakan RM27.5 juta untuk Skim Mesra Usia Emas (SMUE) 2.0 yang memberi bantuan khairat kematian bernilai RM500 kepada waris berdaftar dengan Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas) sambil meneruskan program Jom Shopping SMUE.

Menyedari demografi rakyat Selangor yang melihat peningkatan golongan berumur, Kerajaan Negeri melalui anak syarikatnya Selgate Corporation Sdn Bhd bersiap sedia untuk menawarkan inisiatif penjagaan warga emas dan kanak-kanak melalui suatu kediaman komuniti bersepadu khusus yang selesa. Ini dilengkapi prasarana kesihatan serta akses mudah untuk penjagaan dan pemantauan sekeluarga.

Golongan orang kelainan upaya (OKU) sentiasa menjadi perhatian utama Kerajaan Negeri dan akan diberi peruntukan sejumlah RM3.25 juta bagi keseluruhan program dan inisiatif pemberdayaan OKU seperti pembelian alatan sokongan, ubat-ubatan dan zat makanan tambahan; terapi pemulihan anak-anak istimewa; kursus latihan asuhan serta seminar kesedaran sokongan untuk anak istimewa.

Inisiatif Bank Makanan Selangor akan diperluaskan untuk merangkumi program Bank Makanan Kanak-Kanak yang menyasarkan golongan kanak-kanak bawah umur enam tahun khusus untuk keluarga berpendapatan rendah bagi menangani masalah pertumbuhan terbantut dan ketidakseimbangan zat makanan dalam kalangan kanak-kanak, dengan peruntukan RM6 juta.

Sebagai sebuah kerajaan peduli rakyat yang memantapkan institusi Islam, Kerajaan Negeri bersetuju menyediakan peruntukan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) berjumlah RM1.1 juta sebagai caruman majikan bagi memberi manfaat kepada 4,200 guru Kelas Asas Fardhu Ain (Kafa) seluruh Selangor.

Kerajaan Negeri turut mengumumkan inisiatif Bantuan Pengusaha dan Guru-

“
Bagi mendepani isu kesukaran mahasiswa mendapat tempat dalam pasaran kerja serta kehilangan pekerjaan yang dihadapi pekerja sedia ada, Kerajaan Negeri berusaha untuk mengurangkan pengangguran sekali gus cuba membasmi kemiskinan dengan beberapa inisiatif seperti Selangor Kerjaya

Guru Tadika berjumlah RM2 juta untuk tahun 2021 agar kos tambahan bagi pematuhan tatacara operasi piawai (SOP) pandemik tidak menjejaskan operasi harian mereka.

RM200 juta atasi pencemaran

Untuk membendung masalah pencemaran air berulang, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM200 juta untuk pelbagai usaha seperti Skwad Pantas Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) yang akan membuat rondaan 24 jam, penggunaan teknologi dron serta penambahan jumlah keanggotaan LUAS,

Projek Perintis Rawatan Biologikal/ BioRemediation untuk memulihkan kualiti air di Sungai Gong, serta penaiktarafan kolam takungan Sistem Peningkatan Hibrid Pinggir Sungai 600 (Horas 600).

Sebagai sebahagian usaha meremajakan urban (urban rejuvenation) bagi pembangunan semula kawasan perkarangan stadium Seksyen 13 Shah Alam, Kerajaan Negeri berhasrat untuk membangunkan Bandar Belia dan Sukan dengan nilai anggaran kasar (GDV) sebanyak RM8 bilion yang akan didirikan secara awam (public) – persendirian (private) – perkongsian (partnership).

Bagi merungkai isu perumahan mampu

milik yang sering kali menjadi perhatian rakyat, Kerajaan Negeri menyasarkan pertambahan sekurang-kurangnya 30,000 unit Rumah Selangorku di bawah Program Rumah Selangorku Idaman dan Rumah Selangorku Harapan dengan nilai hartanah lebih RM750 juta yang bakal disiapkan menjelang 2023.

Memandangkan mahasiswa merupakan golongan yang paling terkesan saat ini, Kerajaan Negeri mengumumkan program Bantuan Yuran Asas Universiti (Bayu) iaitu pelepasan bagi yuran asas khusus buat pelajar-pelajar Unisel dan Kuis pada 2021 dengan peruntukan sebanyak RM4 juta.

Bagi mendepani isu kesukaran mahasiswa mendapat tempat dalam pasaran kerja serta kehilangan pekerjaan yang dihadapi pekerja sedia ada, Kerajaan Negeri berusaha untuk mengurangkan pengangguran sekali gus cuba membasmi kemiskinan dengan beberapa inisiatif seperti Selangor Kerjaya dengan latihan kemahiran baharu (new skill), tingkat kemahiran (upskilling) dan pulih kemahiran (reskilling); Selangor Automotif TVET yang memadankan graduan TVET teknologi automotif dan bengkel automotif; serta Selangor Freelancers kerana semakin ramai yang memilih waktu kerja lebih anjal bagi memenuhi keperluan ekonomi mereka. RM76 juta diperuntukkan dari Perbadanan Menteri Besar dan Permodalan Negeri Selangor Berhad bagi membiayai inisiatif-inisiatif ini.

Belanjawan Selangor 2021 diharap dapat membantu rakyat bagi mendepani realiti baharu dalam pasaran dunia pasca Covid-19. Harapan dan semangat optimisme yang diangkat melalui dokumen ini sewajarnya mampu menawarkan jalan keluar bagi menampakan kesan kelembapan ekonomi dan dijangka mampu membina kecekalan rakyat dalam melalui hari-hari mendatang.

Kenyataan media selepas pembentangan Belanjawan Selangor 2021





▲ Amirudin (tengah) menunjukkan dokumen belanjawan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya (kiri) sambil diperhatikan beberapa EXCO negeri

Amirudin (tengah) diapit Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya dan Pegawai Kewangan Negeri Dato' Nor Azmie Diron bersama barisan EXCO Selangor kecuali Dato' Teng Chang Khim. Turut sama Penasihat Undang-Undang Negeri Dato' Salim Soib @ Hamid (dua kanan, baris kedua)



Pengamal media mengikuti siaran langsung selama dua jam 30 minit di bangunan sebelah Dewan Negeri Selangor



▶ Pembantu operasi Unit Komunikasi Korporat Ahmad Fadli Yahya menunjukkan muka depan risalah belanjawan versi PDF yang boleh dimuat turun menerusi laman web Dato' Menteri Besar www.amirudinshari.com

Ekonomi bermaruah

Belanjawan Selangor 2021 menyedari wabak Covid-19 perlu ditangani penuh cekat dengan menggerakkan ekonomi yang tidak meleburkan harga diri rakyat demi sesuap nasi.

Dibentang Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, peruntukan RM2.32 bilion disusun dalam lima strategi dengan tumpuan meneruskan kemajuan negeri dan menggerakkan proses pemulihan ekonomi.

Bertema Melakar Realiti Baharu: Ekonomi Bermaruah Paksi Kecekan Rakyat, belanjawan itu menawarkan inisiatif baharu, antaranya penubuhan Majlis Wanita Selangor, Niaga Darul Ehsan dan Bantuan Yuran Asas Universiti.

Kemudahan skim air percuma, Pusat Tuisyen Rakyat, Bas Smart Selangor, Rumah Selangorku pula terus dikekalkan demi kebajikan penduduk negeri ini.

Jurufoto **Hafiz Othman** dan **Fikri Yusof** merakam suasana pembentangan belanjawan dan perbahasan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam pada 30 Oktober dan 2 November.



Amirudin membentangkan belanjawan Melakar Realiti Baharu: Ekonomi Bermaruah Paksi Kecekan Rakyat yang mengutamakan kecekan rakyat untuk hadapi wabak Covid-19

▲ Wakil rakyat Sentosa Gunarajah George dan Orang Besar Daerah Kuala Langat Tengku Dato' Mohamed Tengku Harun mengimbas muka di pintu masuk dewan sebelum pembentangan



Speaker Ng Suee Lim menegur wakil rakyat pembangkang yang tidak mematuhi format perbahasan belanjawan ketika persidangan Dewan Negeri Selangor

▲ Amirudin membentangkan Belanjawan Selangor 2021 di depan wakil rakyat yang tekun mengikuti butiran program yang direncanakan untuk tahun depan



▶ Pegediar akhbar SelangorKini Nurul Nadiah Nasuha, 32, menghulur keluaran khas Belanjawan Selangor 2021 di pusat beli-belah Mydin di Semenyih, Hulu Langat pada 1 November



▲ Pemerhati membaca edisi khas akhbar SelangorKini sambil mengikuti perbahasan belanjawan dari ruang khas Dewan Negeri Selangor dengan pematuan penjarakan sosial pada hari kedua persidangan, 2 November



▲ Sharbina Amir Sharifuddin menggunakan bahasa isyarat ketika siaran langsung SelangorTV sepanjang pembentangan agar kandungan belanjawan difahami semua golongan termasuk orang kurang upaya

▶ Ketua Pembangkang Rizan Ismail bersama barisan wakil rakyat bukan kerajaan mengikuti sesi pembentangan selama lebih dua jam



Operasi pusat khidmat dihadkan

SHAH ALAM - Operasi Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri Kota Anggerik hanya dibuka pada Isnin, Rabu dan Jumaat susulan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).



Wakil rakyatnya Najwan Halimi berkata berkuat kuasa pada 27 Oktober, pejabat mula dibuka dari jam 10 pagi hingga 3 petang.

"Sehubungan itu, sebarang urusan berupa aduan dan pertanyaan boleh berhubung menerusi aplikasi WhatsApp di talian 017-335 3136 atau 012-296 3872, dan menerusi e-mel adun@najwanhalimi.com," katanya.

Beliau turut menasihatkan orang ramai menjaga jarak sosial satu meter, elak bersentuhan, gunakan cecair pembasmi kuman dan pakai pelitup muka ketika berurusan.

Selangor dikenakan PKPB bermula 14 Oktober lalu dan dilanjutkan sehingga 9 November susulan penularan Covid-19.

Tujuh kampung terjejas

Lawat mangsa banjir

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Hujan lebat berterusan hampir lima jam sejak jam 2 pagi pada 4 November menyebabkan tujuh kampung di mukim Hulu Langat dilanda banjir kilat.

Ahli Dewan Negeri Dusun Tua berkata lokasi terjejas ialah Kampung Batu 20 Sungai Lui, Kampung Batu 14, Kampung Batu 16, Kampung Kuala Perdik, Kampung Batu 18, Kampung Batu 17 dan Kampung Sungai Serai.

"Hujan sudah berhenti namun keadaan belum surut dan rumah penduduk masih lagi digenangi air tetapi difahamkan setakat ini tiada pusat pemindahan sementara dibuka.

"Bagaimanapun, tiada sebarang kemalangan jiwa dilaporkan dalam kejadian itu," kata Edry Faizal Eddy Yusof.

Beliau juga berharap mangsa banjir supaya bersabar dan berdoa ketika berdepan musibah.

"Pastikan sentiasa menjaga keselamatan diri dan berhubung dengan ketua kampung masing-masing sekiranya memerlukan apa-apa bantuan tambahan," katanya.



Keadaan banjir yang melanda beberapa kampung menjejaskan aliran trafik di Hulu Langat pada 4 November

YB Kita

Ahli Dewan Negeri N18 HULU KELANG

■ **Nama:**
Saari Sungib

■ **Umur:**
62 tahun

■ **Negeri kelahiran:**
Dengkil, Selangor

■ **Makanan kegemaran:**
Nasi goreng kampung dan buah mangga

■ **Aktiviti masa lapang:**
Membaca dan menulis

■ **Falsafah hidup:**
Hidup itu adalah memberi, menerima untuk terus memberi

■ **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:**
Perunding pengurusan organisasi dan kepimpinan

■ **Alamat pejabat ADN:**
No 6A, Jalan AU 2A, Taman Sri Keramat, 54200 Kuala Lumpur

■ **Nombor telefon ADN:**
03-4260 2205

■ **E-mel:**
saarisungib@selangor.gov.my

■ **Twitter:** @SaariSungib



40 peniaga pasar jalani saringan

SHAH ALAM - Kira-kira 40 peniaga dan pekerja Pasar Sea Park, Petaling Jaya menjalani saringan Covid-19 kendalian Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling pada 28 Oktober.

Ahli Dewan Negeri Kampung Tunku Lim Yi Wei berkata saringan bermula 9.30 pagi hingga 1 petang diadakan susulan seorang peniaga di pasar berkenaan disahkan positif.

"Mereka dijangka memperoleh keputusan dalam tempoh 48 jam dan diharap semuanya negatif (Covid-19) namun pengesanan kontak rapat seterusnya diperluaskan jika ada kes positif," katanya.

Beliau berkata buat masa ini pasar berkenaan masih belum dibenarkan beroperasi sehingga satu tempoh akan diumumkan kelak.

"Kita sedang tunggu keputusan PKD (untuk benarkan Pasar Sea Park beroperasi),"

Mereka dijangka memperoleh keputusan dalam tempoh 48 jam dan diharap semuanya negatif (Covid-19) namun pengesanan kontak rapat seterusnya diperluaskan jika ada kes positif

LIM YI WEI
ADN Kampung Tunku

si)," katanya.

Pada 23 Oktober, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya menutup operasi Pasar Sea Park bagi melaksanakan kerja pembersihan berikutan seorang peniaga positif Covid-19.

35 pendayung sampan terjejas dibantu

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri Bukit Melawati pada 28 Oktober lalu menghulurkan bantuan wang tunai dan keperluan asas kepada 35 pendayung Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan.

Juwairiya Zulkifli berkata sumbangan itu bagi meringankan beban mereka yang terjejas susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac.

Beliau menjelaskan keadaan bertambah parah apabila PKP Bersyarat dilaksana di seluruh negeri mulai 14 Oktober, kemudian dilanjut sehingga 9 November.

"Sumbangan ini inisiatif saya sendiri bagi membantu pendayung yang terjejas punca pendapatan dan nasib mereka perlu diberi perhatian lebih," katanya.

Sumbangan Prihatin Covid-19 di Balai Raya Penghulu Mukim Pasangan turut dihadiri Timbalan Ketua Polis Kuala Selangor Mohd Ambia Nordin.

Hadir sama, Pegawai Pelancongan Majlis Daerah Kuala Selangor Shazlan Hakim Mazalan dan Penghulu Mukim Pasangan Shahrul Affendi.



ADN SUNGAI KANDIS
Zawawi Mughni

Menyerahkan bantuan makanan dan wang saku kepada 50 mahasiswa di Pusat Khidmat DUN beliau



ADN DUSUN TUA
Edry Faizal Yusof

Menyertai operasi nyahkuman di Balai Polis Batu 14, Hulu Langat



ADN PERMATANG
Rozana Zainal Abidin

Mengedar pelitup muka guna semula #KitaSelangor di Pasar Malam Tanjong Karang, Kuala Selangor



ADN MERU
Fakhrulrazi Mokhtar

Mendengar aduan penduduk Aman Perdana, Kuala Selangor mengenai isu lori di jalan raya



ADN KOTA DAMANSARA
Shatiri Mansor

Menguruskan pengebumian mangsa kemalangan di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 9, Kota Damansara



ADN TAMAN TEMPLER
Sany Hamzan

Memantau kerja menampal jalan berlubang di Pangsapuri Nuri Taman Bukit Idaman, Selangor



Oleh Farahin W

"Mak Minah sudah pulang! Kain kafannya hilang!" Kampung Lidah Buaya gamat lagi. Kali ini Mak Minah pulang ke rumah. Penduduk kampung tak senang duduk. Takut-takut malam ini Mak Minah mengetuk pintu rumah mereka, mencari kain kafannya yang hilang. Semalam dia ke rumah Kak Senah. Menangis-nangis Kak Senah memujuk Mak Minah kembali ke kuburan. Kata Kak Senah, Mak Minah malu menghadap Tuhan telanjang bulat. Kata Mak Minah, tubuhnya tidak seperti dulu. Semua yang anjal kini tinggal kulit menggelebeh.

Warung Wak Karjo sesak dengan penduduk kampung. Ada yang berpelikat dengan baju pagoda yang tidak lagi putih warnanya. Lusuh dan kekuning-kuningan. Ada yang berkain batik dengan kurung Kedah. Anak-anak kecil berkaki ayam sambil menghisap ais krim. Kuku mereka panjang dan hitam. Wartawan dari kota juga turun memasang telinga mencari-cari cerita sensasi.

Berita Mak Minah pulang tersebar satu negara. Bomoh, dukun dan agamawan semuanya turun padang mahu menghantar Mak Minah balik ke kuburan. Ada yang berjampi dengan air kelapa. Ada yang merenjis garam sekeliling rumah. Ada yang duduk di surau membacakan ayat-ayat ruqyah di pembesar suara. Imam Sinun dan Lebai Manap pening kepala. Mereka tak tidur malam memikirkan: 1) cara menghantar Mak Minah balik, 2) takut-takut Mak Minah mengetuk pintu rumah mereka ini malam. Yang kedua lebih menakutkan.

Warung Wak Karjo sesak berhari-hari. Sudah seminggu Mak Minah pulang ke rumah. Malam tadi, Mak Minah ke rumah Haji Seman.

"Betul! Mak Minah pulang! Kain kafannya hilang!"

Haji Seman sungguh-sungguh bercerita. Habis wajah-wajah pendengar terpalit liurnya. Katanya,

Kepada Rabbi

kutunggu kesumba matahari memercupi November ini kerana langit bulan-bulan undur seakan berlapis arang udara berkelahi, hujan libas melibas lampu dibatasi sepi api lilin kehabisan tubuh sendiri

barangkali doa-doaku tersembunyi di helai angin kedinginan atau masih meringkuk dalam ketuban awan

kalaupun pengharapanku tak layak didarjatkan setidak-tidaknya, ratib saudara dan teman, Engkau murnikan andai tersisip nama, nasibku meski setempias gerimis sebelum kalendar tertutup atau nafasku terkutup

mungkinkah Disember nanti takkan ada warna pelangi dan tahun gelita ini diulangi?

Siti Alimah

Mak Minah hilang kain kapan

Mak Minah masih sngul. Kelam-kabut Mak Minah mencari kain kafannya yang hilang. Mak Minah pakai kain batik pemberian Kak Senah. Namun, dia tak mahu balik ke kuburan berkain batik. Dia mahu mencari kain kafannya!

"Tok, kenapa kita tak cari saja kain kafan Mak Minah yang hilang?"

Si Koro, anak Siti janda muda Kampung Lidah Buaya tiba-tiba bersuara. Suaranya parau. Umur belasan dan baru mimpi. Benar juga katanya. Hari-hari Mak Minah merayu kain kafannya dipulangkan. Tak mungkin tiada satu orang pun yang bersimpati dengan Mak Minah. Mak Minah orang Islam. Sudah semestinya orang Islam sama-sama membantu orang Islam yang lain. Saudara se-Islam. Mana boleh tinggal diam.

"Mak Minah, Mak Minah! Sudah mati pun menyusahkan orang!"

Wak Karjo menghirup kopi O kurang manis sambil menggeleng kepala. Mak Minah jirannya. Perempuan tua itu tinggal dengan dua orang cucu. Anaknya entah ke mana. Selepas dipenjara kerana merusuh, dia hilang tiada khabar berita. Pelik juga. Macam mana kain kafan Mak Minah boleh hilang? Sebatas pengetahuannya, Mak Minah bukan pengamal ilmu hitam. Penduduk kampung sebelah juga riuh menyampai berita Mak Minah. Mak Leha menggantung Yasin di pintu rumah. Sudin menghulur sepuluh ringgit kepada bomoh untuk memagar rumah. Setakat ini, Mak Minah belum mengetuk pintu rumah mereka.

Seluruh penduduk kampung keluar mencari kain kafan Mak Minah. Wak Karjo menutup kedai dan ikut sama mencari. Mereka ke belakang rumah, semak-samun sehingga ke sungai. Si Koro penerjun kampung tidak mensia-siakan kepakarannya, menyelam ke dasar sungai mencari kain kafan Mak Minah. Usaha mereka pada hari pertama benar-benar memenatkan. Wak Karjo, Haji Seman dan Tok Mail menyumpah-nyumpah kepenatan. Peluh mereka terbazir dan kain kafan Mak Minah masih tak ditemukan.

"Macam mana ni, Tok? Sehari ini kita mencari. Secebis pun kita tak jumpa!" Haji Seman mengibas-ngibas tuala ke leher.

"Malam ini, pasti Mak Minah ke rumah aku. Aku akan pujuk dia semula."

"Tok yakin boleh pujuk Mak Minah pulang?"

Tok Mail yakin Mak Minah akan mencarinya. Ke mana lagi penduduk kampung mahu mengadu kalau bukan kepadanya, Ketua Kampung Lidah Buaya? Tok Mail berkira-kira mahu memberikan Mak Minah kain kafan baharu. Aduhai. Kain kafan bukannya murah. Dalam keadaan ekonomi sebegini, siapa yang mahu beri Mak Minah kain kafan baharu? Aduhai, Mak Minah! Hidup susah, mati pun susah!

"Assalamualaikum, Tok! Tok!"

Tok Mail tersedak kopi. Suara Lebai Manap bergema di hadapan pintu rumah. Mahu bergegar rumah kayu yang sudah 50 tahun usianya. Cepat-cepat Tok Mail membuka pintu. Lebai Manap termengah-mengah mengambil nafas. Berderau darah Tok Mail melihat lelaki tua berjanggut sehelai itu. Janggutnya tidak pernah tumbuh. Cuma sehelai – itu pun dari



tahi lalatnya.

"Kain kafan Mak Minah sudah dijumpai! Semua penduduk sekarang di balai raya! Cepat, Tok! Cepat!"

Mata Tok Mail terbelalak. Lalu dia capai kain serban dan dililit di kepala. Kain pelikat diikat kemas lantas menyarung capal. Dia tidak peduli mengambil nafas. Kain kafan Mak Minah sudah ditemui!

Balai Raya Kampung Lidah Buaya riuh dengan cakap-cakap orang kampung. Rustam (ketua pasukan mengupas bawang) tak henti-henti menyampai berita. Semua mendengar dengan tekun. Ada yang mengusap dada. Ada yang ternganga mulut. Rustam yang menemukan kain kafan Mak Minah! Sampai malam Rustam mencari. Mujur Tuhan bersama-samanya. Hasil pencarian Rustam membawa berita gembira kepada penduduk kampung. Bukan sahaja penduduk Kampung Lidah Buaya, kampung sebelah pun berasa senang. Mereka sudah boleh tidur lena dan mimpi yang indah-indah. Mak Minah tak mungkin mengetuk pintu rumah mereka lagi.

"Jadi, Rustam. Mana kain kafan Mak Minah?"
Kisahannya, selepas Maghrib, semua pulang ke rumah. Rustam sahaja yang tidak putus asa

mencari kain kafan Mak Minah. Dia tidak mahu terserempak dengan Mak Minah. Takut-takut dia pula yang diheret ke kuburan. Perjalanan mencari kain kafan Mak Minah terasa sangat panjang. Sempat juga Rustam berfikir mahu berputus asa. Namun fikiran Rustam berubah apabila sampai ke rumah Mak Minah. Lampu rumah menyala. Dari luar terdengar suara cucu-cucunya.

"Abang yakin mahu memakainya ke sekolah?"

"Ya. Duit membantu Wak Karjo di kedai tak cukup, dik! Sekolah takkan benarkan kita ke sekolah dengan baju tu," ucap si abang sambil menuding ke arah kemeja T bercorak kartun Upin dan Ipin.

"Tapi, nenek?"

Mata Tok Mail terbelalak lagi. Dia membuka kain serban yang terlilit di kepala. Kain pelikatnya yang terlondeh digulung ke atas semula. Dia menepuk dahi sekuatnya.

"Jadi, kain kafan Mak Minah?" Lebai Manap kebingungan.

"Tok! Mak Minah datang!"

Balai raya sekarang taufan. Mak Minah menunggu di depan balai. Telanjang bulat – menunggu dipulangkan kain kafannya yang hilang.



Watak
sebut
'Opocot',
'Adoi'

Anak Melayu cipta 'game' popular di Amerika

OLEH ALIFF FIKRI
FOTO FIKRI YUSOF

Mungkin orang Amerika Syarikat selepas ini biasa menyebut 'Opocot' dan 'Adoi', bahasa pasar dalam kalangan rakyat tempatan, susulan permainan video 'No Straight Roads' laris di negara itu.

Malah, ia antara 45 judul paling banyak diperkatakan di dunia pada tahun ini berdasarkan penilaian metacritic.com, portal yang menentukan kedudukan permainan video

Permainan yang direka Wan Hazmer Wan Abd Halim, 40, dan sepupunya, Daim Dziauddin, 40, memasukkan entri bahasa itu dalam babak tertentu.

Dilancarkan 25 Ogos lalu, ia juga menampilkan watak yang bertutur menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dengan gerak-geri seakan-akan dikir barat dan wayang kulit.

Ini bukan pertama kali Wan Hazmer berbuat demikian. Melalui siri permainan 'Final Fantasy 15' - pernah mencatat jualan tertinggi di Amerika dan nombor satu di Jepun - elemen tempatan seperti roti

canai, teh tarik dan sate ditonjolkan. Malah, beliau juga menjadikan bandar Taiping sebagai latar tempat.

Pada masa ini, industri permainan video menunjukkan peningkatan drastik, tidak seperti sektor lain yang merudum akibat wabak Covid-19 melanda dunia. Mengikut AFP pada 23 April, perbelanjaan orang ramai ke atas permainan elektronik seluruh dunia mencecah AS\$10 juta (RM43.6 bilion) pada Mac.

Laporan AFP juga menunjukkan syarikat gergasi Nintendo menjual lima juta permainan video mesra keluarga iaitu 'Animal Crossing: New Horizons', menjadikan ia permainan digital paling tinggi dijual dalam tempoh sebulan.

Minat

Minat Wan Hazmer tertanam sejak kecil apabila bapanya menghadiahkannya konsol Atari, permainan video yang popular pertengahan 1980-an dan 1990-an.

Ketika belajar di Universiti



Asia Pacific (APU) dalam jurusan pengkomputeran (programming), beliau mula memahami aspek reka cipta berpandu buku dan artikel dalam talian.

Beliau kemudian berhijrah ke Negara Matahari Terbit pada 2008 untuk mendalami pengetahuan mengenai permainan video. Namun, beliau terlebih dahulu menguasai bahasa Jepun. Justeru, Wan Hazmer mengambil masa 16 bulan untuk mempelajarinya di Sekolah Bahasa Jepun Yamano di Shibuya.

"Selepas fasih, saya buat 10 halaman kertas kerja permainan video dan menghantarkannya kepada beberapa syarikat termasuk ke Square Enix sebelum diterima bekerja," katanya.

Berkhidmat tujuh tahun di sana, beliau mengetuai pasukan rekaan

siri permainan Final Fantasy 15.

"Mencipta rekaan permainan video umpama arkitek, kita wujudkan keseronokan dalam permainan termasuk mencipta pengalaman permainan dengan merancang dan membuat susun atur bagi setiap peringkat dan juga kejadian tertentu," katanya.

Kembali ke tanah air

Selepas lama mendiami Tokyo, Jepun, beliau pulang ke tanah air pada 2018 untuk menubuhkan syarikat sendiri dan membuat permainan video yang ada ciri-ciri Malaysia.

Pada Mei 2018, berbekalkan modal RM300,000 beliau menubuhkan Metronomik yang kini ada 20 kakitangan, semuanya terlibat dalam membangunkan 'No Straight Roads'.

Wan Hazmer berharap permainan rekaannya bukan sahaja memberi keasyikan kepada pemainnya tetapi mendedahkan mereka kepada pengalaman sebagai orang Malaysia di samping mempamer budaya hidup tempatan

kepada mereka.

Malah, salah satu watak jahat iaitu Eve menggunakan suara pelakon sitkom popular 'Kopitiam'; Joanna Bessey dan turut menjalin kerjasama dengan pemuzik Az Samad, anak Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said.

Semua itu dilakukan Wan Hazmer apabila beliau mendapati kebanyakan permainan video Jepun menonjolkan latar tempat, budaya dan ciri-ciri negara tersebut.

No Straight Roads boleh dimainkan melalui empat platform iaitu Playstation 4, Xbox, Nintendo Switch dan komputer. Ia merupakan permainan bertema muzik dan dimainkan sebagai dua watak iaitu Mayday dan Zuke.

Misi mereka? Membebaskan Bandar Vinyl dari pemerintahan kuku besi puak genre electronic games music (EDM) yang mengharamkan muzik rock.

EDM merupakan genre muzik terkenal pada akhir 80-an dan masih dimainkan di kelab-kelab malam. EDM sebenarnya evolusi kepada muzik elektronik.

Beliau yang mendapat sokongan dari Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) berbangga mampu menghasilkan sesuatu yang 'segar' dalam bidang permainan video.



Diskaun RM20 kompaun parkir

SHAH ALAM - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) menawarkan pengurangan RM20 bagi kompaun letak kereta kepada pemilik kenderaan yang mempunyai tunggakan denda.

Yang dipertua berkata kempen selama sebulan bermula 1 November bertujuan memberi ruang kepada pesalah menjelaskan kompaun tertunggak sebelum pendakwaan di mahkamah.

"Orang ramai boleh menikmati kadar khas ini dengan membuat pembayaran atau semakan menerusi kaunter pandu lalu Ibu Pejabat MDKS atau melalui aplikasi telefon pintar Smart Selangor Parking dan Flexi Parking," kata Rahillah Rahmat.

Beliau berkata pihaknya akan melakukan pendakwaan terhadap orang kena kompaun (OKK) yang mempunyai kesalahan kompaun selepas kempen berakhir.

MPS kesan 22 tapak sisa haram

SHAH ALAM - Sebanyak 22 tapak pembuangan sampah haram dikesan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) setakat Oktober.

Yang Dipertua Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor berkata sebanyak 57 kompaun turut dikeluarkan terhadap syarikat dan individu yang melakukan perbuatan itu.

"Sebanyak 13 kes berlaku di Rawang, Gombak dan Kepong masing-masing empat dan satu di Selayang.

"Kami mengeluarkan notis kacau ganggu serta kompaun di bawah Seksyen 4, Undang-undang Kecil (UUK) Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap MPS 2007," katanya.

Beliau berkata tindakan sitaan juga dilakukan mengikut Seksyen 21 UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap MPS 2007.

PKPB: MBSA tutup perpustakaan

SHAH ALAM - Semua perpustakaan kelaian Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) ditutup sehingga 9 November susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Majlis itu memaklumkan ia membabitkan Perpustakaan Anggerik Vanilla Kota Kemuning, Perpustakaan Anggerik Mokra Seksyen U5 dan Perpustakaan Anggerik Aranda Seksyen 19.

"Pemulangan buku boleh dilakukan selepas perpustakaan dibuka semula. Tiada caj denda lewat dikenakan.

"Orang ramai dinasihatkan terus mematuhi tatacara operasi piawai (SOP) agar rantai Covid-19 dapat diputuskan," kata MBSA.

Dron bantu kesan pesalah alam sekitar

SHAH ALAM - Teknologi dron yang digunakan untuk memantau pencemaran dan pencerobohan sungai di Selangor bakal membantu pihak berkuasa mengesan pesalah alam sekitar.

EXCO infrastruktur berkata gambar yang dirakam dron boleh digunakan untuk menghukum pihak tidak bertanggungjawab yang sering terlepas tindakan undang-undang kerana kekurangan bukti.

"Dron berkeupayaan merakam gambar dengan jelas terutama sekiranya kesalahan dilakukan individu atau premis berhampiran sungai yang sukar diakses pihak berkuasa.

"Kita gagal dapatkan bukti dalam kebanyakan kes, jadi penggunaan dron dengan disokong rondaan selama 24 jam oleh petugas Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) akan meningkatkan kecekapan operasi pemantauan sumber air," kata Ir Izhah Hashim.

Pada 21 Oktober Dato' Menteri Besar berkata teknologi dron yang mampu terbang sejauh 1,050 kilometer sebulan bakal digunakan untuk memantau sungai di Selangor bermula November.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata teknologi tersebut dilengkapi aplikasi untuk menganalisa kualiti air, mengesan bau gas serta mencerap aktiviti kilang yang berisiko menyebabkan pencemaran.

Galak masyarakat bercucuk tanam

RM9,300 Anugerah Kebun Komuniti

OLEH NADIAH ZAMLUS

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) menyediakan hadiah keseluruhan RM9,300 bagi Anugerah Kebun Komuniti @Sepang 2020.

Yang dipertuanya berkata kategori komuniti menyediakan hadiah wang tunai RM4,500.

Katanya, bagi kategori sekolah rendah dan menengah pula masing-masing RM2,400 dalam bentuk insentif pertanian.

"Program ini bagi menggalakkan mereka menghasilkan kebun komuniti masing-masing dengan harapan dapat menjana ekonomi sendiri.

"Ia susulan pandemik Covid-19 dan diharapkan aktiviti ini sedikit sebanyak membantu komuniti setempat dengan pergerakan terbatas," kata Dato' Abd Hamid Hussain pada 29 Oktober.

Katanya, peserta boleh mendaftar dengan mengisi borang dalam talian dan memuat naik laporan Kebun Komuniti untuk penilaian serta dikemukakan kepada urusetia dengan kadar segera.

Tarikh tutup penyertaan pada 30 November depan. Mereka yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut di laman sesawang <http://smart.mpsepang.gov.my> atau Facebook rasmi MPSepang.

Orang ramai juga boleh menghubungi 011-3707 0458 atau 010-226 0296 untuk maklumat lanjut.



Tambah laluan Bas Smart Selangor



SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menambah rangkaian laluan perkhidmatan Bas Smart Selangor mulai 1 November.

Jabatan korporat majlis itu berkata penambahbaikan membabitkan 10 bas serta 55 hentian baharu sekitar laluan MPS1, MPS2A dan MPS2B.

"Sejak dilaksanakan pada 2015, lebih 6.4 juta penumpang menerima manfaat perkhidmatan ini," katanya.

Susulan peningkatan kes

Covid-19, MPS turut mengingatkan penumpang supaya mematuhi garis panduan ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia ketika menggunakan perkhidmatannya.

"Amalkan penjarakan fizikal, memakai pelitup muka serta membasuh tangan sebelum dan selepas menaiki pengangkutan awam," katanya.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi talian 03-6138 9898, 03-6126 5824 atau layari www.mps.gov.my

RM1 juta bina kebuk

Sistem buang sampah di desa lebih teratur



OLEH NADIAH ZAMLUS

SHAH ALAM - Pembinaan kebuk sampah di kawasan kampung diyakini dapat menjaga persekitaran kampung dan mewujudkan masyarakat yang sihat.

EXCO pembangunan luar bandar dan kampung tradisi pembinaan kebuk melalui peruntukan RM1 juta dalam Belanjawan Selangor 2021 menjadikan urusan pembuangan sisa pepejal lebih teratur.

"Kebuk sampah ini dijangka dibina secara berperingkat mengikut keperluan. Saya berharap supaya kemudahan ini dimanfaatkan

penduduk sebaik-baiknya.

"Saya juga menggesa penduduk menjaga kebersihan kerana industri pelancongan lebih tertumpu dalam negeri ekoran pandemik Covid-19, jadi persekitaran kampung perlu dijaga," kata Borhan Aman Shah pada 31 Oktober.

Terdahulu, Dato' Menteri Besar mengumumkan pembinaan kebuk di kampung tradisi untuk mengawal pembuangan sisa pepejal yang boleh memudaratkan rakyat.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata isu longgokan sampah tidak terkawal di kampung dan pembuangan sisa pepejal ancaman terhadap kelestarian alam sekitar.

Mohon, baharui lesen niaga dalam talian

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menggalakan orang awam menggunakan perkhidmatan dalam talian bagi memohon dan memperbaharu lesen perniagaan serta iklan.

Pihak berkuasa tempatan itu memaklumkan permohonan boleh dibuat dengan melayari laman sesawang www.mbsj.gov.my

Perkhidmatan dalam talian diperkenalkan bagi menggalakkan risiko penularan wabak Covid-19.

Sembilan langkah mudah perlu diikuti untuk membuat permohonan dan 10 langkah bagi pembaharuan lesen secara dalam talian.

Untuk itu, orang ramai perlu mendaftar masuk terlebih dahulu di laman sesawang MBSJ sebelum mengisi maklumat berkaitan sehingga proses selesai.



Hutan Pendidikan Bukit Gasing tutup

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menutup laluan utama ke Hutan Pendidikan Bukit Gasing berikutan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pihak berkuasa tempatan itu berkata hutan pendidikan berkenaan hanya akan dibuka semula selepas mendapat kelulusan daripada MKN.

"Tatacara operasi piawai (SOP) MKN menyatak aktiviti pendakian di semua lokasi pendakian di Selangor adalah tidak dibenarkan (tidak termasuk lokasi pendakian yang berada di bawah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor)," katanya pada 3 November.

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat di Selangor bagi mengesok penularan Covid-19 dilanjutkan hingga 9 November.

Tiga pasar malam langgar SOP

SHAH ALAM - Tiga pasar malam di Sepang diarah tutup sehingga 21 Oktober lalu kerana gagal mematuhi tatacara operasi piawai (SOP).

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang, Dato' Abd Hamid Hussain berkata ia membabitkan Kota Warisan, Dengkil Jaya dan Desa Pinggiran Putra.

"Pemantauan akan diteruskan bagi memastikan pelaksanaan SOP dipatuhi sepenuhnya dan kami mengharapkan agar pematuhan sendiri dapat dilaksanakan secara berterusan oleh peniaga," katanya pada 28 Oktober.

Abd Hamid berkata sebanyak 15 pasar malam dan pagi diperiksa MPSepang antara 17 hingga 25 Oktober lalu.

"Sepanjang tempoh pemantauan, 17 peniaga diambil tindakan kerana tidak mematuhi jadual penggiliran.

"Peniaga-peniaga tersebut diarah keluar serta-merta dan arahan ini telah dipatuhi," katanya.

Kes demam denggi, kematian turun

SHAH ALAM - Kes demam denggi di Selangor turun kepada 41,179 kes setakat minggu epidemik ke-44 berakhir 31 Oktober berbanding 60,993 dalam tempoh sama tahun lalu.

Pengarah Kesihatan negeri Dato' Dr Sha'ari Ngadiman berkata jumlah itu menunjukkan penurunan 32.5 peratus dengan 184 kawasan wabak dikesan.

"Lokaliti wabak denggi aktif membabitkan 16 kawasan titik panas (hotspot), wabak tidak terkawal (lapan), wabak terkawal (151) dan wabak baharu (sembilan).

"Sebanyak 36 kematian dilaporkan dalam tempoh ini iaitu penurunan 28 peratus (14 kes) berbanding minggu sama tahun lalu (50 kes)," katanya pada 27 Oktober lalu.

Dapatkan edisi e-akhbar

Belanjawan Selangor 2021

SELANGOR
selangorkini.my/e-selangorkini/





Tuisyen rakyat bantu calon SPM

SHAH ALAM - Pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dalam talian membantu calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang terjejas susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ahli Dewan Negeri (ADN) Rawang Chua Wei Kiat menyambut baik usaha meneruskan PTRS yang memberi manfaat kepada lebih ramai murid terutama keluarga berpendapatan rendah (B40).

"Kaedah pembelajaran dalam talian lebih baik memandangkan PTRS sebelum ini, kita perlu sediakan tempat tuisyen dan membayar upah guru untuk mengajar," katanya pada 2 November.

Wakil rakyat Bandar Utama Jamaliah Jamaluddin pula mahu pelajar memanfaatkan peluang dan bimbingan melalui kelas tuisyen berkenaan agar mampu meraih kejayaan dalam bidang akademik.

"Diharapkan pelajar menghargai inisiatif ini sama ada akses pembelajaran dalam talian mahupun luar talian. Kejayaan akademik dan kemahiran insaniah yang tinggi boleh mengubah masa depan seseorang," katanya.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2021 pada 30 Oktober mengumumkan sebanyak RM13 juta disalurkan bagi meneruskan PTRS tahun hadapan.

Manfaat dana mantapkan kualiti pengajian

Unisel, Kuis jangka pelajar bertambah

OLEH AFIX REDZUAN & ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Inisiatif Bantuan Yuran Asas Universiti (Bayu) dijangka mendorong lebih ramai pelajar baharu mengikuti pengajian asas di Universiti Selangor (Unisel) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis).

Presiden dan naib canselor Unisel berkata inisiatif itu juga memantapkan pembiayaan program asasi yang diperkenalkan universiti sejak tiga tahun lalu melibatkan 10 pelajar di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Kita menyambut baik pengumuman mengenai Bayu yang akan memberikan lebih insentif kerana sebelum ini Uni-

sel memberikan subsidi kepada pelajar mengikuti pengajian tahun asas.

"Malah untuk kemasukan bagi sesi Ogos-November kita juga memberikan yuran pengajian penuh satu semester," kata Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman (kiri) pada 2 November.

Beliau berkata Bayu memantapkan lagi program tersebut dan ia dijangka pengaruhi pertambahan jumlah pelajar ke Unisel.

Belanjawan Selangor memperuntukkan RM4 juta melalui inisiatif Bayu bagi menarik minat pelajar melanjutkan pelajaran ke universiti milik Selangor sekaligus meringankan beban ibu bapa kesan wabak Covid-19.

Kuis dan Unisel turut menerima dana RM35 juta secara pinjaman bagi memastikan operasi kedua-dua universiti milik Kerajaan Negeri berjalan lancar.

Rektor Kuis Prof Dato' Ab Halim Tamuri berkata dana tersebut akan dimanfaatkan sebaik mungkin bagi meningkatkan kualiti pendidikan.

"Terima kasih Kerajaan Negeri kerana sentiasa prihatin malah banyak bantuan diberikan sebelum ini demi kepentingan warga Kuis.

"Insentif (Bayu) juga dijangka memberi dampak besar dan diharap pelajar di luar negeri atau anak Selangor memilih Kuis kerana kita menawarkan pelbagai program dalam bidang pengajian Islam dan Sains Sosial," katanya.



Yayasan Selangor tingkat mutu pendidikan negeri

SHAH ALAM - Yayasan Selangor berazam meningkatkan mutu perkhidmatan khususnya dalam memberi bantuan kepada pelajar kurang berkemampuan seiring memacu kegemilangan pendidikan.

Ketua pegawai eksekutifnya berkata mencapai usia setengah abad penubuhan bukanlah lesen untuk culas dalam menggalas amanah memberi galakan serta bantuan pendidikan kepada rakyat.

"Yayasan Selangor sentiasa yakin akan potensi setiap pelajar ini untuk diupayakan menjadi insan yang berjaya (dalam bidang) akademik dan sahsiah dirinya seterusnya berupaya mengubah nasib keluarga mereka," kata Eddie Ahmad Khodzali dalam kenyataan pada 4 November sempena Sambutan ke-50 Yayasan Selangor.

Beliau menjelaskan pihaknya mampu menjadi agensi utama melaksanakan inisiatif pendidikan secara menyeluruh termasuk pinjaman pelajaran boleh ubah, program Selangor BITARA dan Biasiswa Sagong Tasi selepas penstrukturan semula organisasi selesai.

Yayasan Selangor diasaskan oleh Dato' Menteri Besar kelapan iaitu Allahyarham Dato' Seri Harun Idris

pada 5 November 1970 bersama beberapa tokoh pendidik dan pemimpin seperti Allahyarham Tan Sri Ainudin Wahid, Allahyarham Dato' Ghazali Hanafiah dan Dato' Suhaimi Kamaruddin.

Sejak ditubuhkan, Yayasan Selangor ditugaskan untuk memacu kegemilangan pendidikan anak-anak Selangor khususnya dalam kalangan pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan.



KERAJAAN NEGERI SELANGOR JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor dan perunding yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan berikut :

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bhg. Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	JPS/N/SEL/S/09/2020 Projek Menaiktaraf Pam Dan Membina Kolam Takungan Di Kg. Padang Jawa Shah Alam, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.	Bumiputera	Berdaftar Dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. Gred : G6 Kategori : CE, M & E Pengkhususan: CE21, CE36, M15, E04 atau E11	Kaunter Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor. 13HB NOVEMBER 2020 hingga 4HB DISEMBER 2020	RM 600.00 , Pengaruh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (Kiriman Wang/ Bank Draft)	Peti Tender, Bhg. Ukur Bahan & Kontrak, JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor. 07HB DISEMBER 2020 (ISNIN) Jam 12.00 tengahari

Taklimat dan Lawatan pada : **12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)** Masa : **10.00 pagi**.
Tempat Berkumpul: Ruang Foyer, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** kepada **PENAMA** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPJK atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Hanya penama di Sijil Akuan pendaftaran syarikat yang boleh menghadiri taklimat. **Syarikat TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PKK, SPKK, PUKONSA atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini **wakil-wakil kontraktor** hendaklah membawa Surat Wakil Kuasa, Sijil ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN CIDB, SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN CIDB ATAU SIJIL PENDAFTARAN KEWANGAN SERTA SIJIL TARAF BUMIPUTERA PKK jika berkenaan dan satu SALINAN bagi siji-siji berkenaan semasa membeli dokumen tender.

Jais kembali benarkan akad nikah

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) membenarkan akad nikah di Pejabat Agama Islam Daerah (Paid) seluruh negeri bermula 2 November.

Pengarahnya berkata kelonggaran itu berikutan lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Selangor sehingga 9 November.

Mohd Shahzihan Ahmad menjelaskan upacara itu boleh dilaksana dengan kehadiran dan jumlah janji temu terhad bermula 9 pagi hingga 4 petang.

"Kebenaran tertakluk kepada syarat pemohon lelaki dan perempuan telah mendapat kebenaran berkahwin mengikut Seksyen 17 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dari Paid.

"Hanya tiga orang dibenarkan hadir iaitu pengantin lelaki dan perempuan serta wali, manakala hanya lima upacara dibenar dalam satu hari dari Isnin sehingga Jumaat (hari bekerja)," katanya pada 30 Oktober.

Mohd Shahzihan menjelaskan ke-

benaran tertakluk kepada pasangan dalam Selangor dan pihak lelaki atau perempuan dari luar Selangor yang mendapat kebenaran rentas daerah atau negeri.

Beliau berkata hanya akad nikah yang mendapat kebenaran ketua pendaftar nikah, cerai dan rujuk sahaja akan dilaksana.

"Janji temu bagi upacara akad nikah boleh dibuat dengan menghubungi Paid untuk pertimbangan dan tindakan selanjutnya," kata beliau lagi.

Tingkat akses, capaian maklumat cekap

Mais urus dokumen secara digital



SHAH ALAM - Seiring perkembangan teknologi dan menyokong amalan persekitaran hijau, Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menggunakan sistem pengurusan dokumen digital (DDMS) secara rasmi pada 1 September lalu.

Setiausahanya Dr Ahmad Shahir Makhtar berkata pengurusan dan proses dokumen lebih tersusun, bersistem serta tindakan lebih cepat dapat dilaksanakan.

"Semoga dengan pelaksanaan sistem dokumentasi ini Mais dapat meningkatkan lagi perkhidmatan ke arah lebih efisien.

"Melalui sistem ini pergerakan semua dokumen dalaman Mais adalah secara atas talian," katanya pada 3 November.

DDMS merupakan sistem pengurusan rekod secara elektronik yang dikendalikan oleh kerajaan di bawah Unit Pemodelan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia.

Sistem ini berupaya meningkatkan kepantasan akses, mengurangkan penggunaan kertas serta menjamin capaian maklumat lebih cekap.

Jadual semula kes mahkamah syariah

SHAH ALAM - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (Jakess) menjadualkan semula semua kes yang ditetapkan di mahkamah syariah negeri ini bermula 28 Oktober hingga 9 November.

Unit komunikasi korporatnya berkata penjadualan itu susulan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi memastikan penjarakan fizikal di semua premis mahkamah syariah.

"Mahkamah akan menghubungi pihak terlibat dengan kes dikenal pasti untuk diteruskan pendengarannya sepanjang tempoh PKPB berkuat kuasa," kata Jakess.

Mengikut jabatan itu, proses wakalah, afidavit, majlis sulh, perbicaraan dan sebutan kes boleh dibuat melalui sidang video melalui permohonan dan persetujuan bersama plaintif dan defendan.

"Perkhidmatan runding cara dilak-

sanakan secara dalam talian telefon," kata agensi itu pada 30 Oktober.

Mengikut Jakess, pendaftaran kes baharu tanpa janji temu di kaunter mahkamah terhad kepada pendaftaran kes mendesak antaranya keganasan rumah tangga, penderaan dan pengesahan lafaz cerai luar mahkamah.

Orang ramai boleh merujuk garis panduan operasi Jakess melalui laman sesawang www.jakess.gov.my

Lebih 35,000 sertai program selawat

SHAH ALAM - Program Selangor Berselawat sempena Maulidur Rasul 1442H mendapat sambutan menggalakkan apabila disertai lebih 35,000 pelayar internet.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor berkata program secara langsung menerusi Facebook Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah turut diadakan di rumah ibadat yang dibenarkan.

"Alhamdulillah, program berjalan dengan baik seperti dirancang. Masjid dan surau juga mengikut tatacara operasi piawai sementara lebih 35,000 mengikutinya di Facebook," kata Mohd Shahzihan Ahmad pada 29 Oktober.

Beliau menjelaskan konsep siaran langsung secara maya mungkin diteruskan untuk program lain dan atur cara akan ditambah walaupun masjid dan surau dibuka semula selepas ini.

Program Selangor Berselawat dimulakan dengan solat Maghrib berjemaah, solat hajat, berselawat, bermunajat dan ceramah agama.

Sambutan Maulidur Rasul tahun ini disambut dalam norma baharu susulan penularan Covid-19.

WAKTU SOLAT SELANGOR

5 - 11 NOVEMBER 2020
19 - 25 RABIULAWAL 1441

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
05 Khamis	5:38	5:48	6:55	1:00	4:20	6:58	8:09
06 Jumaat	5:38	5:48	6:55	1:00	4:20	6:58	8:10
07 Sabtu	5:38	5:48	6:55	1:00	4:21	6:58	8:10
08 Ahad	5:38	5:48	6:56	1:00	4:21	6:58	8:10
09 Isnin	5:38	5:48	6:56	1:00	4:21	6:58	8:10
10 Selasa	5:38	5:48	6:56	1:00	4:21	6:58	8:10
11 Rabu	5:38	5:48	6:56	1:00	4:21	6:58	8:10

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
05 Khamis	5:41	5:51	6:57	1:02	4:23	7:00	8:12
06 Jumaat	5:41	5:51	6:57	1:02	4:23	7:00	8:12
07 Sabtu	5:41	5:51	6:57	1:02	4:23	7:00	8:12
08 Ahad	5:41	5:51	6:58	1:02	4:24	7:00	8:12
09 Isnin	5:41	5:51	6:58	1:03	4:24	7:00	8:12
10 Selasa	5:41	5:51	6:58	1:03	4:24	7:00	8:12
11 Rabu	5:41	5:51	6:58	1:03	4:24	7:00	8:12

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
05 Khamis	5:38	5:48	6:56	1:00	4:21	6:59	8:11
06 Jumaat	5:38	5:48	6:56	1:00	4:21	6:59	8:11
07 Sabtu	5:38	5:48	6:56	1:00	4:21	6:59	8:11
08 Ahad	5:38	5:48	6:56	1:00	4:21	6:59	8:11
09 Isnin	5:38	5:48	6:57	1:00	4:22	6:59	8:11
10 Selasa	5:38	5:48	6:57	1:00	4:22	6:59	8:11
11 Rabu	5:38	5:48	6:57	1:01	4:22	6:59	8:11



Manfaat dana rancak program gender

SHAH ALAM - Institut Wanita Berdaya (IWB) akan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan RM1.8 juta bagi merencanakan lagi program pengarusperdanaan gender.



Ketua Pegawai Eksekutifnya Siti Kamariah Ahmad Subki berkata ia selaras hasrat Kerajaan Negeri yang mahu peranan golongan wanita lebih aktif dalam pembangunan Selangor.

"Ia bermula dengan peruntukan kecil namun tahun hadapan jumlah dana diberikan adalah tinggi (RM1.8 juta).

"Ini menunjukkan program berkait keperluan lelaki dan wanita itu penting dan kesannya besar untuk negeri," katanya pada 31 Oktober.

Beliau berkata pihaknya merancang untuk membabitkan semua portfolio dan agensi dalam program tahun hadapan.

Mangsa kebakaran terima sumbangan

GOMBAK - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) menyampaikan sumbangan kecemasan kepada lima keluarga mangsa kebakaran di Jalan Enggang 13, Taman Keramat pada 31 Oktober.

Agensi berkenaan memaklumkan sumbangan wang tunai dan kit bantuan sebagai tanda prihatin sekali gus meringankan beban mangsa.

"Terima kasih kepada penyumbang yang telah menderma melalui Tabung Dana Musibah Yide," menurut Yide.

Buat masa ini, semua mangsa kebakaran ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) AU1A/2 bersebelahan Surau Azziah.

Orang ramai boleh berkongsi maklumat jika berlaku musibah di kawasan masing-masing dengan menghubungi talian Yide 017-756 9476.

Waris layak terima RM500

Bantuan khairat kematian bukti prihatin

OLEH NADIAH ZAMLUS

SHAH ALAM - Bantuan khairat kematian yang diwujudkan semula tanda keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap keperluan rakyat ketika wabak Covid-19 melanda.

EXCO kebajikan masyarakat berkata pemberian menerusi Skim Mesra Usia Emas (SMUE) jelas mengutamakan orang ra-



mai yang mahu ia dikembalikan sekali gus meringankan beban mereka ketika pandemik.

"Saya mengalu-alukan berita baik ini apabila Dato' Menteri Besar mengumumkan bantuan khairat kematian diwujudkan semula.

"Pengekalan program baucar hari lahir yang sebelum ini menggantikan bantuan tersebut juga dihargai,"

kata V Ganabatirau pada 1 November.

Program bantuan khairat kematian menyasarkan warga emas yang layak dan berdaftar tanpa mengira jantina, kaum dan agama.

Dalam Belanjawan Selangor 2021, program menerusi SMUE yang dihentikan pada Mei 2019 akan disambung semula mulai tahun hadapan.

Sejumlah RM7.5 juta disediakan kepada waris berdaftar dengan Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas) untuk menerima bantuan RM500 seorang.

Langkah tepat jaya program kebajikan

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor melakukan rancangan tepat apabila melaksanakan pelbagai program kebajikan dan pemberdayaan wanita menerusi Belanjawan 2021.

Ahli Dewan Negeri Bukit Melawati berkata peruntukan RM71.3 juta bagi memperkasa wanita dan keluarga penting kerana mereka memainkan peranan untuk membentuk generasi masa depan lebih berkualiti.

"Saya gembira dengan pengumuman Dato' Menteri Besar yang menyedikan sejumlah peruntukan signifikan

bagi pembangunan wanita, keluarga dan kebajikan masyarakat.

"Ini menunjukkan Kerajaan Negeri amat prihatin kerana terus mengutamakan mereka yang selama ini turut sama menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara," kata Juwairiya Zulkifli pada 2 November.

Pada 30 Oktober, Dato' Seri Amirudin Shari berkata pandemik Covid-19 tidak mematahkan semangat Kerajaan Negeri untuk memberi fokus kepada usaha pemberdayaan wanita di negeri ini.

Ini menunjukkan Kerajaan Negeri amat prihatin kerana terus mengutamakan mereka yang selama ini turut sama menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara

JUWARIYA ZULKIFLI
Ahli Dewan Negeri Bukit Melawati

PWB tekad bantu wanita tambah pendapatan

SHAH ALAM - Pusat Wanita Berdaya (PWB) Sungai Kandis bertekad mahu memperbanyakkan program atau bengkel bagi membantu meningkatkan pendapatan wanita terutama mereka yang terjejas akibat Covid-19.

Penyelianya Roslida Udin berkata peruntukan RM3 juta yang disalurkan Kerajaan Negeri kepada PWB Selangor tahun hadapan membolehkan pelaksanaan aktiviti pembangunan ekonomi Hab Wanita Berdaya.

"Hab ini akan dibangunkan dengan kerjasama strategik pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan untuk menjadi tumpuan aktiviti ekonomi serta pembangunan



Antara peserta HaSSel pada 7 dan 8 Mac di Pusat Konvensyen Shah Alam

usahawan wanita," katanya dalam kenyataan.

Roslida berkata pihaknya juga berbesar hati dengan penganjuran Ekspo Hasil Suri Selangor (HaSSel) yang bakal diteruskan tahun hadapan.

"Saya percaya produk peserta golongan suri rumah daripada keluarga berpendapatan rendah (B40), ibu tunggal,

orang kelainan upaya dan peserta PWB dapat diketengahkan ke peringkat lebih tinggi," katanya pada 31 Oktober.

Beliau turut menyambut baik belanjawan yang memberi penekanan terhadap wanita dalam menghadapi cabaran Covid-19 selain memberi kesan positif terhadap perkembangan sosial dan ekonomi rakyat.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN000005111	SUPPLY AND DELIVER SENSUS (WP-DYNAMICS) FLOW METER FOR DISTRICT METERING ZONE (DMZ) OPERATION & MAINTENANCE AND NEW ESTABLISHMENT WORKS

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/service/tenderlists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah diwajibkan untuk berdaftar dengan Air Selangor. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/business-with-us/contractor-vendorsupplier-plumber-registration-guideline> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah percuma.

RM1 juta atasi masalah bantut

OLEH AFIX REDZUAN



FOOD BANK KANAK-KANAK

AMPANG - Peruntukan RM1 juta bagi program Bank Makanan Kanak-Kanak tertumpu kepada usia bawah enam tahun dari keluarga berpendapatan rendah di bandar.

EXCO perumahan dan kesejahteraan bandar berkata sekarang adalah waktu terbaik untuk mengatasi masalah pertumbuhan terbantut yang dialami generasi muda kerana tidak mendapat zat makanan secukupnya.

"Kita akan tumpu kepada kawasan bandar kerana kemiskinan mendesak adalah miskin bandar. Seperti kita sedia maklum hampir 90 peratus kawasan di Selangor adalah perbandaran," kata Rodziah Ismail pada 1 November.

Dalam Belanjawan 2021, Kerajaan Negeri memperuntuk RM6 juta untuk program Bank Makanan Selangor yang memabitkan 56 Dewan Undangan Negeri (DUN).

Kajian Jabatan Kesihatan Negeri Selangor di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kota Damansara mendapati sebanyak 33 peratus kanak-kanak di kawasan tersebut mengalami masalah pertumbuhan terbantut dan kekurangan zat makanan.



Kakitangan LZS Cawangan Kuala Langat meninjau salah satu daripada 34 rumah Orang Asli pada 27 Oktober

LZS bantu baiki rumah Orang Asli Kuala Langat

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) akan membaiki pulih beberapa rumah penduduk Orang Asli di Kuala Langat berikutan keadaannya semakin uzur.

Dalam kenyataan agensi itu memaklumkan rumah dikenal pasti juga mempunyai sistem pendawaian elektrik lama.

"Baru-baru ini, warga kerja LZS Cawangan Kuala Langat turun melawat 17 kampung Orang Asli di daerah tersebut

melibatkan 34 rumah.

"Kebanyakan rumah mereka dibina sejak 2009. Semoga bantuan disalurkan dapat memberikan keselesaan kepada mereka sekeluarga. Terima kasih pembayar LZS kerana wang zakat anda dapat membantu pihak memerlukan," katanya 30 Oktober.

Pada 24 Ogos lalu, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM100,000 bagi membaiki pulih 10 rumah uzur di Kampung Orang Asli Ulu Kuang.



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 CYBERJAYA
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi kerja-kerja berikut:

BIL	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	MPSepang (BGN) 400-10/12/20	CADANGAN KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENAIKTARAF GELANGGANG BOLA KERANJANG TAMAN MESRA DENGKIL UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG TAHUN 2020.	CIDB, SPKK, G4 B 04 DAN CE 21 & UPEN	RM300.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen boleh diambil pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **5hb November 2020** hingga **25hb November 2020** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor atau wakil yang mengemukakan Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) yang asal. Bayaran hendaklah dibuat secara **Tunai, Wang Pos Atau Bank Draf** yang berpaling atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.

3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 tengah hari** pada **25hb November 2020**.

4. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 CYBERJAYA
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN), Sijil Arborist dan Sijil Kursus Penyelenggaraan Landskap bagi kerja-kerja berikut:

BIL	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	MPSepang (LAND) 400-10/12/21	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT BAGI KAWASAN JALAN PUCHONG, TAMAN PUTRA PERDANA, KAWASAN KOMERSIAL, TAMAN MERANTI JAYA DAN KAWASAN KEJIRANAN TAMAN MERANTI JAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG TAHUN 2021-2023.	KEW 221002 (Membersih kawasan) & 221402 (Hiasan Jalan/Kawasan), UPEN, ABORIST DAN Sijil Kursus Penyelenggaraan Landskap	RM200.00
2.	MPSepang (LAND) 400-10/12/22	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT BAGI KAWASAN PAKEJ (1) JALAN PROTOKOL PERSIARAN CERIA, SEBAHAGIAN PERSIARAN RIMBA PERMAL, SEBAHAGIAN PERSIARAN APEC, PERSIARAN CYBERPOINT SELATAN, LINGKARAN CYBERPOINT TIMUR DAN BARAT, JALAN CYBERPOINT 1-6 DAN KAWASAN LAPANG DI HADAPAN NEOCYBER, CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG TAHUN 2021-2023.	KEW 221002 (Membersih kawasan) & 221402 (Hiasan Jalan/Kawasan), UPEN, ABORIST DAN Sijil Kursus Penyelenggaraan Landskap	RM200.00
3.	MPSepang (LAND) 400-10/12/23	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT BAGI KAWASAN PAKEJ DUA (2) DAN PAKEJ LIMA (5) JALAN PROTOKOL, SEBAHAGIAN PERSIARAN MULTIMEDIA, (TERMASUK POKOK-POKOK YANG DINAIKTARAF OLEH PIHAK SETIA HARUMAN SDN BHD) SEBAHAGIAN PERSIARAN SEPANG, PERSIARAN FLORA, JALAN FAUNA 1 DAN JALAN TEKNOKRAT 1/2, SEBAHAGIAN PERSIARAN RIMBA PERMAL, PERSIARAN CERIA, SEBAHAGIAN LINGKARAN TIMUR DAN LINGKARAN BARAT UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG TAHUN 2021-2023.	KEW 221002 (Membersih kawasan) & 221402 (Hiasan Jalan/Kawasan), UPEN, ABORIST DAN Sijil Kursus Penyelenggaraan Landskap	RM200.00
4.	MPSepang (LAND) 400-10/12/24	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT (PAKEJ 3) JALAN PROTOKOL, PERSIARAN APEC, CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG TAHUN 2021-2023.	KEW 221002 (Membersih kawasan) & 221402 (Hiasan Jalan/Kawasan), UPEN, ABORIST DAN Sijil Kursus Penyelenggaraan Landskap	RM200.00
5.	MPSepang (LAND) 400-10/12/25	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT BAGI KAWASAN PAKEJ (4) JALAN PROTOKOL, PERSIARAN SEMARAK API, PERSIARAN BESTARI DAN SEBAHAGIAN PERSIARAN FAUNA 1, CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG TAHUN 2021-2023.	KEW 221002 (Membersih kawasan) & 221402 (Hiasan Jalan/Kawasan), UPEN, ABORIST DAN Sijil Kursus Penyelenggaraan Landskap	RM200.00
6.	MPSepang (LAND) 400-10/12/26	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT (PAKEJ 6) JALAN PROTOKOL, JALAN USAHAWAN DAN PERSIARAN TASIK, CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG TAHUN 2021-2023.	KEW 221002 (Membersih kawasan) & 221402 (Hiasan Jalan/Kawasan), UPEN, ABORIST DAN Sijil Kursus Penyelenggaraan Landskap	RM200.00
7.	MPSepang (LAND) 400-10/12/27	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT (PAKEJ 7) JALAN PROTOKOL, JALAN TEKNOKRAT 4, JALAN TEKNOKRAT 5, JALAN TEKNOKRAT 6, JALAN TEKNOKRAT 7, JALAN TEKNOKRAT 8, JALAN IMPACT (MCMC/SKMM-MEGAJANA) DAN JALAN TEKNOLOGI 2, CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG TAHUN 2021-2023.	KEW 221002 (Membersih kawasan) & 221402 (Hiasan Jalan/Kawasan), UPEN, ABORIST DAN Sijil Kursus Penyelenggaraan Landskap	RM200.00
8.	MPSepang (LAND) 400-10/12/28	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT PERDANA LAKE VIEW EAST & WEST, TAMAN TRILIUM, TAMAN MYDIVA, TAMAN MAISTONE DAN PEMBERSIHAN AWAM PEMOTONGAN RUMPUT, CUCIAN LONGKANG DAN SAPUAN KAWASAN TAMAN SUMMER GLADES, CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG TAHUN 2021-2023.	KEW 221002 (Membersih kawasan) & 221402 (Hiasan Jalan/Kawasan), UPEN, ABORIST DAN Sijil Kursus Penyelenggaraan Landskap	RM200.00
9.	MPSepang (LAND) 400-10/12/29	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT BAGI KAWASAN KEJIRANAN DI FASA 2B, FASA 2E, FASA 2D2, FASA 2D3, FASA 3B2, FASA 3C, FASA 3E, FASA 4C, FASA 6A, FASA 8B, FASA 9A DAN FASA 9B DI TAMAN PUTRA PRIMA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG TAHUN 2021-2023.	KEW 221002 (Membersih kawasan) & 221402 (Hiasan Jalan/Kawasan), UPEN, ABORIST DAN Sijil Kursus Penyelenggaraan Landskap	RM200.00
10.	MPSepang (LAND) 400-10/12/30	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT PEMOTONGAN RUMPUT DAN SAPUAN BAGI KAWASAN HUTAN BANDAR CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG TAHUN 2021-2023.	KEW 221002 (Membersih kawasan) & 221402 (Hiasan Jalan/Kawasan), UPEN, ABORIST DAN Sijil Kursus Penyelenggaraan Landskap	RM200.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh diambil pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **5hb November 2020** hingga **25hb November 2020** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu dibawa adalah **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia, Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN), Sijil Arborist dan Sijil Kursus Penyelenggaraan Landskap yang asal**. Bayaran hendaklah dibuat secara **Tunai, Wang Pos Atau Bank Draf** yang berpaling atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.

3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 tengah hari** pada **25hb November 2020**.

4. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.



Persediaan ke SUKMA

RM27.9 juta bangun sukan negeri

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Peruntukan pembangunan sukan berjumlah RM27.9 juta tepat pada masanya berikutan kontinjen Selangor giat membuat persediaan ke Sukan Malaysia (SUKMA) di Johor tahun hadapan.

EXCO pembangunan generasi muda dan sukan berkata kemudahan itu akan menambah baik segala program dan Selangor diyakini mampu meneruskan kecermerlangan pada temasya dwitahunan itu.

"Peruntukan menerusi Belanjawan Selangor 2021 sesuai pada saat kita bersiap untuk ke SUKMA dan ia juga membolehkan proses menaik taraf kemudahan atlet dilaksanakan.

"Rekod (SUKMA) Selangor se-

belum ini adalah tangga tiga teratas dan kita yakin ia mampu dikekalkan pada kejohanan itu nanti," kata Mohd Khairuddin Othman pada 1 November.

Beliau menjelaskan pihaknya juga akan mengembangkan potensi e-sukan dengan peruntukan RM3 juta tahun hadapan meliputi pemberian latihan dan bimbingan untuk anak muda menyertai industri tersebut.

Selangor muncul negeri pertama menganjurkan Permainan Siber Selangor (SCG) termasuk versi duduk di rumah ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan menerima sambutan menggalakkan.

Kerajaan Negeri turut memperuntukkan RM20 juta kepada Persatuan Bolasepak Selangor (FAS).

Peruntukan menerusi Belanjawan Selangor 2021 sesuai pada saat kita bersiap untuk ke SUKMA dan ia juga membolehkan proses menaik taraf kemudahan atlet dilaksanakan. Rekod (SUKMA) Selangor sebelum ini adalah tangga tiga teratas dan kita yakin ia mampu dikekalkan pada kejohanan itu nanti

MOHD KHAIRUDDIN OTHMAN
EXCO Pembangunan Generasi Muda dan Sukan



FAS tekad majukan pemain muda



Pasukan Red Giants berlatih di Negeri Sembilan pada 24 Oktober sebagai persediaan menghadapi saingan Piala Malaysia

SHAH ALAM - Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) akan memanfaatkan peruntukan RM20 juta dalam belanjawan negeri tahun depan bagi meningkatkan kemudahan sedia ada dan pembangunan pemain muda.

Setiausaha Agungnya Dr Johan Kamal Hamidon bersyukur atas sokongan Kerajaan Negeri dan FAS bersedia melakukan yang terbaik demi kemajuan bola sepak negeri.

"Kita akan gunakan dana untuk meningkatkan kualiti jabatan teknikal, memampankan pembangunan elit pemain muda Selangor dan menaik taraf kemudahan Pusat Latihan FAS," katanya pada 1 November.

Beliau menjelaskan peruntukan itu juga bukti kepercayaan terhadap perancangan jangka panjang pentadbiran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah selaku Presiden FAS.

Belanjawan Selangor 2021 menyediakan peruntukan RM20 juta untuk pembangunan bola sepak iaitu RM10 juta daripada Kerajaan Negeri.

Bakinya pula sumbangan Pembedanaan Menteri Besar Selangor dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.

Sasar 45 emas pada SUKMA Johor

SHAH ALAM - Sebanyak 45 pingat emas disasarkan pada Sukan Malaysia (SUKMA) di Johor tahun depan, kata EXCO pembangunan generasi muda dan sukan.

Mohd Khairuddin Othman berkata turut disasarkan ialah perak dan gangsa masing-masing 40 pingat.

"Pada awalnya, SUKMA tahun ini dijadualkan berlangsung pada Julai lalu, namun ditangguhkan kepada April tahun depan.

"Antara persiapan kita menjelang tahun depan ialah atlet-atlet yang ada kekangan berlatih di pusat latihan akan menjalani latihan fizikal di rumah dan dipantau jurulatih masing-masing," katanya pada 2 November.

SUKMA Johor 2020 yang ditangguh susulan penularan Covid-19 dijadualkan semula pada 6 hingga 14 Mac tahun depan manakala Para SUKMA berlangsung pada 5 hingga 10 April.

Ikuti modul latihan sepanjang PKPB

SHAH ALAM - Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor menggesa semua atlet mengikuti modul latihan disediakan jurulatih masing-masing selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) disambung hingga 9 November.

Pengarah eksekutifnya berkata disiplin memainkan peranan penting untuk atlet kekal cergas ketika ini dengan pematuhan tatacara operasi piawai (SOP) bagi mengelakkan jangkitan Covid-19.

"Dengan penyambungan PKPB, atlet disarankan terus mengekalkan disiplin dengan patuh SOP dan menjaga kecergasan masing-masing di samping mengikuti program latihan individu ditetapkan jurulatih," kata Mohamad Nizam Marjuki pada 29 Oktober.

Beliau berkata atlet turut dinasihatkan kekal di rumah dan hanya keluar jika ada urusan penting sepanjang tempoh PKPB.

Kementerian Belia dan Sukan sebelum ini mengarahkan semua fasiliti sukan dan rekreasi ditutup sementara susulan perintah kawalan tersebut.

Bagaimanapun Majlis Keselamatan Negara memaklumkan aktiviti sukan tidak bersentuhan dan dijalankan secara individu tidak melebihi 10 orang serta di kawasan terbuka masih dibenarkan.